

BAB LIMA

PERANAN MIC DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI KAUM INDIA

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini kedudukan ekonomi kaum India di Malaysia akan dibincangkan. Jadi, objektif utama bab ini ialah melihat peranan yang dimainkan oleh MIC dalam pembangunan ekonomi kaum India. Untuk melihat objektif tersebut dalam konteks yang lebih luas, aspek-aspek berikut akan dikaji:

(i) Objektif

1. Sebagai latarbelakang penglibatan Masyarakat India Dalam Bidang Ekonomi Pada Zaman Kolonial
 - (a) Pengenalan
 - (b) Jenis pekerjaan utama yang diceburi
 - (i) Perladangan
 - (c) Penglibatan masyarakat India dalam bidang pekerjaan lain
 - (i) Perlombongan dan kuari
 - (ii) Perikanan dan pertanian
 - (iii) Pengangkutan dan perhubungan
 - (iv) Perdagangan
 - (v) Perkhidmatan awam dan perkhidmatan perseorangan

2. Pemilikan Aset/Estet
3. Analisis penglibatan kaum India dalam bidang ekonomi pada zaman kolonial
4. Penglibatan masyarakat India dalam bidang ekonomi selepas kemerdekaan
 - (a) Jenis pekerjaan yang diceburi
 - (i) Pengurusan dan pentadbiran
 - (ii) Profesional
 - (iii) Pengeluaran
 - (iv) Pertanian
 - (v) Kewangan Insuran, Harta tanah dan Perkhidmatan Perniagaan
 - (b) Ekuiti/Aset
5. Peranan yang dimainkan oleh MIC
 - (a) Pengenalan
 - (b) Rancangan-rancangan Ekonomi
 - (i) NESA
 - (ii) KPJ
 - (iii) Maika Holdings
6. Peranan MIC dalam mempertahankan Dana Harta masyarakat India yang sedia ada.
 - (a) South Indian Labour Fund (SILF)
7. Kesimpulan

5.1 Penglibatan Masyarakat India Dalam Bidang Ekonomi Pada Zaman Kolonial

Penglibatan masyarakat India dalam bidang ekonomi pada zaman kolonial tidaklah memberansangkan. Ini adalah kerana buruh-buruh India yang dibawa masuk terpaksa bekerja dalam sektor pertanian (terutamanya di ladang-ladang getah), di Jabatan Kerajaan (sebagai buruh di Jabatan Kerja Raya), di sektor pertanian, perlombongan dan di sektor-sektor lain.

Kedudukan ekonomi masyarakat India sejak hijrah ke Malaysia adalah dalam keadaan kronik. Mereka datang dalam keadaan miskin dan menderita dalam kemiskinan setibanya di Malaysia. Golongan kaum buruh India ini tidak berjaya memiliki apa-apa kekayaan buat beberapa tahun akan datang. Sistem Kangani hanya memberi peluang kepada Kangani-Kangani untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa.¹ Pekerja-pekerja India yang sudah tua telah dibenarkan tinggal terus di kediaman mereka oleh pengurus estet atas dasar perikemanusiaan. Anak-anak kaum pekerja estet terus mengikuti jejak langkah ibu bapa mereka sebagai pekerja estet.

¹ Jain, R.K., *South Indians on the Plantation Frontier in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 183.

JADUAL 5.1

SEMENANJUNG MALAYSIA : TABURAN PENDUDUK BANDAR MENGIKUT ETNIK DAN KADAR URBANISASI 1947, 1957, 1970, 1980, 1985, 1990 (KAWASAN BANDAR)

MASYARAKAT	1947	1957	1970	1980	1985	1990
Melayu	7.3	11.2	14.9	25.4	30.0	35.0
Cina	31.1	44.7	47.4	56.0	59.2	62.2
<i>India</i>	25.8	30.6	34.7	41.2	43.5	46.0
Lain-Lain	46.2	49.3	40.8	41.6	47.5	43.4

Sumber: Pelbagai Rancangan Lima Tahun Malaysia

Jadi, untuk melihat kedudukan masyarakat India dalam bidang ekonomi, adalah perlu untuk melihat bidang-bidang pekerjaan yang diceburi oleh masyarakat India pada zaman kononial.

5.1.1 Jenis Pekerjaan Yang Diceburi

Masyarakat India yang dibawa masuk dari negara India adalah untuk memenuhi tenaga buruh di kawasan perladangan, maka masyarakat India terus menetap di kawasan perladangan (Jadual 5.2). Oleh yang demikian, kebanyakan mereka menetap di kawasan perladangan getah, sedikit di kawasan perladangan kelapa sawit dan di sektor-sektor yang lain.

Penetapan mereka di kawasan perladangan ini menyebabkan masyarakat India terus menjadi buruh di ladang-ladang. Kekurangan pendidikan telah menyebabkan masyarakat India tidak dapat melepaskan diri dari kawasan perladangan. Selain itu, kebanyakan buruh yang diimport dari India ini juga

adalah miskin. Keadaan ini juga turut mengakibatkan kaum buruh India ini gagal mencari kehidupan baru di kawasan perladangan.

Jadual penduduk India di kawasan bandar sehingga tahun 1957 ialah 30.6% (Lihat Jadual 5.1). Jadi, sehingga tahun 1947 sahaja jumlah penduduk India di kawasan perladangan ialah 62.4% (Lihat Jadual 5.2). Ini menunjukkan majoriti masyarakat India sebelum Merdeka masih bekerja dalam sektor pertanian. (Lihat jadual di bawah.)

JADUAL 5.2

MALAYA : TABURAN PENDUDUK PEKERJA ESTET MENGIKUT ETNIK 1938 – 1947

TAHUN	1938 %	1941 %	1946 %	1947 %
<i>India</i>	<i>214,323 (72.1)</i>	<i>209,871 (70.0)</i>	<i>137,027 (62.6)</i>	<i>221,240 (62.4)</i>
Cina	57,897 (19.5)	61,257 (20.4)	51,651 (23.6)	87,434 (24.7)
Melayu	15,230 (5.1)	18,474 (6.2)	21,258 (9.7)	26,663 (7.5)
Jawa	8,699 (2.9)	10,215 (3.4)	8,680 (4.0)	18,638 (5.2)
Lain-Lain	1,221 (0.4)	293 (1.0)	235 (0.1)	719 (0.2)
Jumlah	297,370 (100)	300,104 (100)	218,851 (100)	354,694 (100)

Sumber: Charles, Gamba, *The Origin of Trade Unionism in Malaya*, Eastern Universities Press Ltd, Singapura, 1962, hlm 256 dipetik daripada Commissioner for Labour, Kuala Lumpur, MU 432/46. Conf. 89/46 of November 9th 1946. Adapted.

Mengikut Jadual 5.2, penduduk India di estet-estet bertambah dari tahun 1938 sehingga 1947 walaupun mengalami sedikit kemerosotan pada tahun 1941 dan 1946. Pada tahun 1938, jumlah penduduk India di ladang-ladang getah adalah 72.1 peratus daripada 297,370 orang. Manakala pada tahun 1941, menurun kepada 70.0 peratus daripada 300,104 orang. Tetapi peratus ini sebenarnya rendah sedikit sahaja daripada tahun 1938. Pada tahun 1946 pula jumlah penduduk India jatuh dengan drastik sekali kepada 62.6 peratus daripada 218,851 orang. Ini adalah disebabkan ramai pekerja India telah mula meninggalkan Malaysia kerana negara India telah mendapat kemerdekaan. Jadi, penghijrahan pulang ke negara India telah menjadi satu trend baru di kalangan masyarakat India. Pada tahun 1947, jumlah penduduk India adalah 62.4 peratus, kurang 0.4 peratus daripada tahun 1946. Ini menunjukkan jumlah pekerja India di estet-estet di Malaysia jauh lebih tinggi daripada tahun-tahun sebelumnya walaupun jumlah penduduk estet pada tahun tersebut adalah 354,694 orang. Walaupun kebanyakan daripada orang-orang India menentap di kawasan perladangan, ini tidak bermakna mereka hanya bergiat dalam bidang itu sahaja. Malah mereka bergiat dalam pelbagai bidang lain.

5.1.2 Penglibatan Masyarakat India Dalam Bidang Pekerjaan Lain (Lihat Jadual 5.3)

(a) Perlombongan dan Kuari

Dalam bidang ini, orang-orang India hanya bekerja sebagai buruh am. Mengikut Jadual 5.3, pada tahun 1947 masyarakat India cuma 29 orang sahaja yang terlibat dalam perlombongan bijih timah. Mereka ini bekerja sebagai

buruh dan operator-operator mesin. Dalam perlombongan arang baru dan kuari, 53 peratus daripada 800 pekerja yang bekerja dalam aktiviti perlombongan arang batu pada tahun 1957 adalah orang-orang India.² Mereka bekerja sebagai buruh, juruteknik dan di pejabat pentadbiran.

(b) Perikanan Dan Pertanian

Penglibatan masyarakat India dalam bidang ini tidak dapat dinyatakan dengan jelas. Tiada data yang lengkap mengenainya. Tetapi mengikut Jadual 5.3, pada tahun 1947 cuma 5,801 nelayan India dari 772,181 orang masih bergiatan. Angka ini jauh lebih rendah daripada tahun 1896 dengan jumlah nelayan India sebanyak 1,500 orang.³

(c) Pengangkutan Dan Perhubungan

Dalam bidang ini, penglibatan masyarakat India adalah rendah sahaja iaitu cuma 2,313 orang India sahaja yang terlibat daripada 25,780 orang yang bergiatan dalam bidang ini (lihat Jadual 5.3). Walaupun begitu, masyarakat India ini yang telah menjadi penentu pembentukan dan perkembangan sistem pengangkutan. Manakala, orang-orang Tamil Sri Lanka pula banyak terlibat dalam bidang pengurusan, teknikal dan pentadbiran.⁴ Walau bagaimanapun, jumlah penglibatan masyarakat India dalam bidang ini berkurangan mulai 1930an disebabkan oleh tindakan kerajaan British pada masa itu.

² Sandhu, K.S., "The Coming of The Indians To Malaysia", dalam *Indian Communities In Southeast*, op.cit., hlm 171; Sandhu, K.S., *Indians In Malaya*, op.cit., hlm 280-281.

³ Ibid., hlm 170.

⁴ Untuk maklumat lanjut rujuk Sandhu, K.S., *ibid.*

JADUAL 5.3

KAUM INDIA : GUNATENAGA MENGIKUT PEKERJAAN SEHINGGA TAHUN 1947

	MELAYU*	CINA	INDIA	JUMLAH
Menangkap ikan dan pertanian	556,612	201,505	5,801	772,181
Perlombongan dan kuari	81	2,532	29	2,662
Perkilangan	33,741	33,540	3,199	70,800
Pengangkutan dan Perhubungan	7,018	16,379	2,313	25,780
Perdagangan	15,743	66,811	9,355	92,246
Hiburan	3,902	16,379	4,872	25,136
Jumlah	617,097	336,844	25,569	988,805
Jumlah Pekerja	903,271	979,245	343,596	2,261,982

- Termasuk lain-lain orang Malaysia.

Sumber: Puthucheary, J.J., *Ownership and Control in The Malayan Economy*, University of Malaya Co-operative Bookshop Ltd., Kuala Lumpur, 1979, hlm. 3 yang dipetik daripada Laporan Perangkaan Malaya 1947, Jadual 88, 97, 102 dan 110.

(d) Perdagangan

Dalam bidang perdagangan ini, jumlah masyarakat India yang terlibat ialah 9,355 daripada 92,246 orang keseluruhannya (lihat Jadual 5.3). Tumpuan utama masyarakat India dalam bidang ini adalah dalam bidang tekstil yang mempunyai hubungan rapat dengan negara India. Kebanyakan orang yang melibatkan diri dalam bidang ini ialah golongan chettiar.

(e) **Perkhidmatan Awam Dan Perkhidmatan Perseorangan** (Lihat Jadual 5.4)

Cuma segelintir kecil orang-orang India terlibat dengan kerja-kerja pegawai-pegawai tinggi dan rendah pada tahun 1930an. Pada tahun 1938 sebanyak 55.1 peratus daripada 6,482 orang yang berkhidmat dalam sektor ini adalah masyarakat India. Tetapi penglibatan masyarakat India berkurang menjadi 23 peratus daripada jumlah 341,000 orang pada tahun 1947.⁵ Penglibatan masyarakat India mula berkurangan mulai tahun 1940 sehingga 1950an kerana pendidikan telah mula memainkan peranan penting dalam mengubah gaya hidup mereka. Walau bagaimanapun, sebanyak 53 peratus di sektor kerja-kerja perbandaran pada tahun 1957 terdiri daripada kaum India.⁶

Golongan berpendidikan seperti jurutera, peguam, doktor, pegawai pentadbir, guru dan pegawai-pegawai pihak berkuasa turut berkhidmat di sini. Pada tahun 1938, sebanyak 267 orang bekerja sebagai pegawai perubatan dan pembantu hospital.

⁵ Untuk maklumat lanjut, rujuk Sandhu, K.S., *op.cit.*, hlm 173-174.

⁶ *Ibid.*, hlm 174-175.

JADUAL 5.4

**NUMBER OF SUBORDINATE OFFICERS EMPLOYED IN THE
FEDERATED MALAY STATES IN SELECTED SERVICES
1938**

	<i>Indians</i>	Chinese	Malays	Total
Clerks in General and State Services	613	465	336	1,414
Public Works Department Overseers and Suboverseers	178	3	55	236
Teachers in Government English Schools	127	64	24	215
Technical Assistants	482	73	329	884
Railway Department	1,412	302	485	2,199
Posts & Telegraphs Department	492	175	408	1,075
Dressers and Hospitals Assistants	267	87	105	459
Total	3,571	1,169	1,742	6,482
Percentage	55.1	18.0	26.9	100

Sumber: Sandhu, K. dan A. Mani, "Indians in the Public Sector in Malaysia", *Indian Communities in Southeast Asia*, (Ed.), Sandhu, K. dan A. Mani, ISEAS and Times Academic Press, Singapore, 1993, hlm. 338 dipetik daripada Federal Council Proceedings, June 1938.

5.1.3 Pemilikan Aset/Estet

Oleh kerana kebanyakan masyarakat India bekerja di sektor perladangan, maka adalah penting untuk melihat pemilikan aset yang dimiliki oleh masyarakat India. Jadi, dalam bidang ini tumpuan hanya akan diberi kepada golongan chettiar. Ini adalah kerana peranan yang dimainkan oleh golongan chettiar ini agak ketara sekali dalam sektor harta tanah dan pemilikan aset.

Kebanyakan masyarakat India yang menjalankan perniagaan di Malaysia adalah secara persendirian. Jenis perniagaan yang dijalankan adalah perniagaan emas dan aset cair.⁷ Antara tahun 1937 dan 1947 sahaja sebanyak RM 66 juta dihantar ke negara India oleh masyarakat India di Malaysia.⁸ Selain itu, 62 peratus daripada 974 syarikat perniagaan wang dan broker emas berdaftar pada tahun 1947 adalah milik masyarakat India terutamanya golongan chettiar.⁹ Menjelang tahun 1930an, golongan chettiar ini telahpun menetap di semua bandar-bandar besar. Mereka menjalankan perniagaan harta tanah, pembelian ladang-ladang getah dan tanah-tanah di bandar yang berharga.¹⁰

Golongan perdagangan India ini (golongan chettiar dan masyarakat India Utara) tidak mempunyai kesan secara langsung terhadap keadaan sosio-ekonomi masyarakat India. Ini adalah kerana golongan chettiar hanya mula melibatkan diri secara langsung dalam sektor perladangan getah mulai tahun 1920. Selain itu, terdapat sebilangan kecil masyarakat India terutamanya mereka yang bersara daripada perkhidmatan kerajaan dan businessman yang memulakan pelaburan dalam sektor perladangan getah.¹¹

⁷ Sandhu, K.S., *Indians In Malaya*, Cambridge University Press, London, 1969, hlm 290.

⁸ Sandhu, K.S., "The Coming Of The Indians to Malaysia", dalam *Indian Communities In Southeast Asia*, op.cit., hlm 174-175.

⁹ *Ibid.*, hlm 175.

¹⁰ Arasaratnam, S., *Indians In Malaysia And Singapore*, Oxford Unviersity Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm 36-37.

¹¹ Arasaratnam, S., *ibid.*, hlm 96.

Kebanyakan pelaburan masyarakat India (terutamanya golongan chettiar) di Malaysia tertumpu dalam sektor harta tanah. Kebanyakan orang-orang Cina yang meminjam wang daripada golongan chettiar berjaya dalam perniagaannya. Golongan chettiar ini menjadi peminjam wang yang penting ketika zaman kolonial. Pekebun-pekebun kecil menggadai tanah mereka kepada golongan chettiar untuk mendapatkan kredit. Kegagalan membayar balik menyebabkan ramai orang Melayu kehilangan tanah.¹² (Rujuk Jadual 5.5)

JADUAL 5.5

JUMLAH TANAH (EKAR) YANG DIMILIKI DAN DIGADAI KEPADA MASYARAKAT INDIA DI NEGERI-NEGERI SELAT

TAHUN	PERAK		SELANGOR		NEGERI SEMBILAN		PAHANG	
	Dimiliki	Digadai	Dimiliki	Digadai	Dimiliki	Digadai	Dimiliki	Digadai
1919	18,506	23,641	Tiada data	11,872	7,835	23,724	Tiada data	10,033
1928	48,680	30,816	27,081	12,523	17,154	11,243	8,766	20,456
1938	69,632	28,872	40,100	10,271	28,000	10,483	15,111	16,344

Sumber: Arasaratnam, S., *Indians In Malaysia And Singapore*, Oxford University Press, Kuala Lumpur : 1970, hlm 96. Dipetik daripada Proceeding of the Federal Council, 1939, B 33.

Golongan chettiar merupakan golongan yang agak berjaya dalam bidang ekonomi. Mereka berjaya memiliki ladang-ladang getah walaupun dalam saiz yang kecil. *Pada tahun 1941, jumlah estet yang dimiliki oleh golongan ini*

¹² Untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai golongan chettiar, rujuk Arasaratnam, S., *Indians In Malaysia and Singapore*, Oxford University Press, Kuala Lumpur : 1970, hlm 92-96; Sandhu, K.S., *Indians In Malaya*, op.cit., hlm 289-293; Puthucheary, J.J., *Ownership and Control in the Malayan Economy*, University of Malaya Co-operative Bookshop Ltd., Kuala Lumpur, 1979, hlm 18-20.

dianggarkan RM270 juta,¹³ manakala mereka mempunyai firma sebanyak 800 sehingga tahun 1960. (Lihat Jadual 5.6)

Kegagalan penguasaan ekonomi negara sebelum kemerdekaan adalah disebabkan oleh sikap golongan Chetti yang suka melabur di negara India berbanding dengan di negara ini.

JADUAL 5.6

PEMILIKAN LADANG-LADANG GETAH

	MELAYU	EROPAH *	CINA	INDIA	JUMLAH
Pemilikan Kecil	1.85	-	0.80	0.10	2.75
Pemilikan Sederhana	0.01	0.03	0.35	0.13	0.52
Estet	-	1.60	0.27	0.05	1.92
Jumlah	1.86	1.63	1.42	0.28	5.19

Sumber: Puthucheary, *Ownership and Control in the Malayan Economy*, University of Malaya Co-operative Bookshop Ltd., Kuala Lumpur, 1979, hlm. xvii.

* Eropah – merujuk kepada pemilik dari Amerika, Australia, New Zealand dan Afrika Selatan

Jadual menunjukkan masyarakat India terutamanya golongan chettiar juga mampu memiliki sekurang-kurangnya 0.28 peratus ladang-ladang getah daripada 5.19 peratus.

¹³ Mahajani, Usha, *The Role of Indian Minorities in Burma and Malaya*, Vora and Co., Bombay, 1960, hlm. 100.

5.2 Analisis Penglibatan Kaum India Dalam Bidang Ekonomi Pada Zaman Kolonial

Oleh kerana kebanyakan masyarakat India bekerja sebagai buruh kasar dalam semua sektor, maka boleh dikatakan bahawa keadaan ekonomi masyarakat India sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan belum mencapai tahap memuaskan. Ini dapat dibuktikan dengan jenis pekerjaan yang diceburi dan pemilikan aset oleh masyarakat India. Jadi, masyarakat India pada tahap ini masih untuk berusaha mengukuhkan kedudukan mereka di Malaysia.

Sementara itu, ekuiti masyarakat India pada zaman kolonial ini pula adalah rendah. Masyarakat India terutamanya golongan chetti sahaja yang berjaya memiliki sedikit ekuiti dalam bentuk harta tanah. Ini adalah kerana masih banyak lagi masyarakat India ini bekerja sebagai buruh di ladang-ladang dan buruh di jabatan-jabatan Kerajaan (Jabatan Kerja Raya). Gaji yang rendah, tanggungan yang ramai, perbelanjaan yang melebihi pendapatan telah mewarnai senario hidup masyarakat India di ladang-ladang. Keadaan begini tidak memberi laluan kepada masyarakat India untuk berusaha mengumpul harta dalam bentuk ekuiti atau pun dalam bentuk harta tanah.¹⁴

Buruh-buruh yang bekerja di ladang-ladang getah menerima gaji yang rendah. Adakalanya tidak mencukupi untuk menyara ahli keluarga yang besar (biasanya 7 orang). Gaji yang diterima pada tahun 1924 ialah 0.35 sen sehari bagi kaum lelaki dan 0.27 sen sehari bagi kaum wanita. (Lihat Jadual 5.7)

¹⁴ Untuk mengetahui simpanan masyarakat India, rujuk Jain, Ravindra, K., *South Indians on the Plantation Frontier in Malaya*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 159-186.

JADUAL 5.7

GAJI HARIAN DI NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU

TAHUN	1924		1925		1927	
Lelaki	0.35	0.27	0.40	0.30	0.50	0.40
Perempuan						

Sumber: Arasaratnam, S., *Indians In Malaysia and Singapore*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm 58-60.

Masyarakat India menerima gaji yang lebih rendah berbanding dengan masyarakat Cina. Contohnya, gaji buruh lelaki India pada tahun 1929 ialah 0.50 sen ke 0.70 sen sehari. Manakala, upah bagi buruh Cina adalah 0.70 sen ke RM2.00 sehari.¹⁵ Ketidakadilan ini tidak memberi peluang kepada masyarakat India untuk mengumpul kekayaan di Malaysia.

Selain itu, sikap tidak berjimat-cermat juga telah menjadi salah satu faktor mengapa masyarakat India gagal mengumpul harta sebelum kemerdekaan. Mereka membelanjakan wang mereka di kedai-kedai todi milik kerajaan British dan milik pengurus ladang, dan di kedai-kedai samsu milik orang Cina.¹⁶ Di samping itu, mereka juga terpaksa membayar kadar bunga yang tinggi yang dikenakan ke atas pinjaman oleh kaum Sikh sehingga mereka tiada wang untuk membeli barang-barang keperluan harian.

¹⁵ Untuk maklumat lanjut, rujuk, Sandhu, K.s., *Indians In Malaya*, Cambridge University Press, London : 1969, hlm 258-261.

¹⁶ Annamalai Masi, *Hainthadi Tamilargal*, Tamil Ilakkayak Kalagam, Kelang, Selangor, 1982, hlm.43-45.

Oleh kerana tidak mempunyai sijil kerakyatan, maka tiada sumber pendapatan. Ini mengakibatkan mereka tiada tempat tinggal, tiada pakaian yang secukupnya dan lain-lain lagi.¹⁷

Dasar British pecah dan perintah juga tidak banyak memberi peluang kepada masyarakat India yang terlibat dalam perniagaan secara kecil-kecilan. Ramai buruh India berhutang dengan Kangani dan pembayaran balik hutang ini menyebabkan buruh-buruh ini semakin miskin.¹⁸ Lagipun, banyak buruh yang mengirim wang ke India untuk jadikan bekalan kewangan kemudian hari kerana tidak mahu menerima Malaysia sebagai tanah air mereka.

Sementara itu, MIC pula tidak berjaya membantu dan menyedarkan masyarakat India mengenai kepentingan menguasai ekonomi negara. Ini adalah kerana MIC sendiri menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan sebelum kemerdekaan.¹⁹ Keadaan ini telah menyebabkan masyarakat India terumbang-ambing dalam usaha menegakkan kedudukan ekonomi mereka.

Situasi-situasi ini telah menyebabkan masyarakat India sebelum kemerdekaan gagal menguasai ekonomi negara. Walaupun btit-btit perubahan terhadap kepentingan menguasai ekonomi negara nampak dilihat pada tahun 1950an, namun begitu hasil kesedaran ini hanya dapat dilihat selepas

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 63-65.

¹⁸ Sandhu, K.S., "The Coming of the Indians to Malaysia", dalam *Indian Communities In Southeast Asia, op.cit.*, hlm 175-175.

¹⁹ Untuk maklumat lanjut mengenai peranan MIC sebelum kemerdekaan, rujuk Bab 3.

kemerdekaan. MIC juga telah mula memberi perhatian khusus terhadap kedudukan ekonomi kaum India.

5.3 Penglibatan Masyarakat India Dalam Bidang Ekonomi Selepas Kemerdekaan Dan Peranan Yang Dimainkan Oleh MIC

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, masyarakat India telah mula mengubah corak pemikiran mereka. Ini adalah kesan daripada keadaan ekonomi masyarakat India yang tidak memuaskan. Pertamanya, masyarakat India telah mula menerima Malaysia sebagai tanah airnya. Perubahan ini telah mula mencorakkan kehidupan masyarakat India massa. Pada masa yang sama masyarakat India massa mula menjadi ahli MIC. Keadaan ini telah menjadi titik peralihan kepada MIC untuk menceburi bidang ekonomi. Ini adalah kerana keadaan ekonomi masyarakat India sebelum kemerdekaan telah menjadi satu pengajaran dan pengalaman kepada MIC. Jadi, untuk mempertahankan kedudukan politik, MIC mula mempertahankan hak-hak masyarakat India terutamanya dalam bidang ekonomi.

Jadi, langkah pertama yang telah diambil oleh MIC adalah menyedarkan masyarakat India akan kepentingan menguasai ekonomi negara. Untuk mencapai tujuan tersebut, MIC telah melancarkan beberapa projek yang diharap dapat meningkatkan penguasaan ekonomi negara oleh masyarakat India juga. (Akan dibincang kemudian). Jadi, untuk mengetahui kedudukan ekonomi masyarakat India selepas kemerdekaan, maka adalah wajar untuk mengetahui jenis-jenis pekerjaan yang diceburi oleh masyarakat India.

5.3.1 Jenis Pekerjaan Yang Diceburi

Di sini beberapa sektor yang menggunakan tenaga masyarakat India yang tinggi sahaja akan dibincangkan. (Lihat Jadual 5.8 dan 5.9)

JADUAL 5.8

**KAUM INDIA : GUNATENAGA MENGIKUT PEKERJAAN ('000 orang)
1970 – 1995**

PEKERJAAN	1970	%	1975	%	1980	%	1985	%	1990	%	1995	%
Iktisad dan Teknik	14.8	10.8	20.8	11.0	26.9	10.4	40.6	22.5	45.8	20.9	56.9	21.0
Guru & Jururawat	-	-	-	-	9.8	7.7	10.8	6.4	14.2	6.3	17.1	6.2
Pentadbiran dan Pengurusan	2.4	7.8	3.0	7.3	3.1	6.1	6.6	5.1	7.0	5.3	11.8	5.4
Perkeranian	24.5	17.2	23.1	12.0	21.0	6.9	41.6	7.6	57.0	7.8	58.2	7.6
Jualan	28.7	11.1	31.4	9.1	32.7	7.6	42.7	6.8	54.6	6.5	61.3	6.3
Pertanian Perkhidmatan	32.9	14.6	39.4	12.6	40.7	11.6	64.6	10.1	74.2	10.6	101.2	10.8
Pengeluaran	123.7	9.7	147.6	10.4	175.4	11.9	140.9	8.2	149.7	7.0	132.7	7.2
Pertanian	74.4	9.6	112.2	10.5	160.9	11.4	161.5	10.5	200.5	10.7	252.3	11.1
Jumlah	301.4	10.6	377.5	10.6	460.7	10.8	494.6	8.8	562.7	8.5	670.9	8.6

- Sumber:
1. Malaysia, Rancangan Malaysia Ke-4 1981 – 1985
Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1981, hlm 59.
 2. Malaysia, Kajian Separuh Penggal : Rancangan Malaysia Ke-5
1986 – 1990, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 66-69.
 3. Malaysia, Kajian Separuh Penggal : Rancangan Malaysia Ke-6
1991 – 1995, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1994, hlm 72.
 4. Malaysia, Rancangan Malaysia Ke-6, 1991 – 1995, Percetakan
Negara, Kuala Lumpur, 1991, hlm 32.

(a) Pentadbiran dan Pengurusan

Mengikut Jadual 5.8 pada tahun 1970, cuma 7.5 peratus masyarakat India berkhidmat dalam bidang ini. Pada tahun 1980, susut menjadi 4.9 peratus sahaja. Pada tahun 1985, peratusan ini meningkat menjadi 5.0 peratus.

Akan tetapi pada tahun 1990, menurun kepada 4.9 peratus. Jumlah penglibatan masyarakat India dalam sektor ini adalah sangat kurang kerana sukar menjawat jawatan-jawatan penting. Ini adalah kerana masyarakat India belum bersedia untuk menjawat jawatan-jawatan tersebut. Pelbagai faktor lain turut menghalang masyarakat India dalam sektor ini. Antaranya, kekurangan pendidikan yang relevan, kekurangan modal, kurang menabung, komunikasi profesional yang rendah dan lain-lain lagi. Dalam sektor kerajaan, orang-orang Melayu dan dalam sektor swasta orang-orang Cina bersaing merampas peluang-peluang masyarakat India.

(b) Profesional

Mengikut Jadual 5.8, penglibatan masyarakat India dalam bidang profesional pada tahun 1970 adalah 23.3 peratus. Akan tetapi, peratusan ini terus menurun kepada 22.04 peratus, 17.41 peratus dan 14.49 peratus bagi tahun 1975, 1980 dan 1984. Ini menunjukkan masyarakat India profesional mula mengalami kekurangan. Contohnya, kuota bidang perubatan telah dikurangkan dengan alasan sudah terlalu banyak doktor India.²⁰

(c) Pengeluaran

Mengikut Jadual 5.8, jumlah masyarakat India yang terlibat adalah agak sedikit pada peringkat awal dan meningkat kemudian. Pada tahun 1970 cuma 8.6 peratus sahaja yang terlibat. Tetapi bagi tahun 1980, 1985 dan 1990

²⁰ Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, Jabatan Perangkaan Negara, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 80-84.

penglibatan masyarakat India terus meningkat menjadi 10.1 peratus, 10.9 peratus dan 11.3 peratus. Ini adalah kerana lebih banyak kawasan perindustrian dibuka dan lebih banyak masyarakat India yang mula keluar dari kawasan ladang untuk bekerja dalam sektor ini.

JADUAL 5.9
MALAYSIA: GUNATENAGA MENGIKUT SEKTOR DAN
KUMPULAN ETNIK
1985-2000

	INDIA									
	1985	%	1988	%	1990	%	1995	%	2000	%
Pertanian, perhutanan, Ternakan dan perikanan	155.3	8.8	173.7	9.1	179.3	9.1	92.9	14.0	72.5	9.8
Perlombongan dan Kuari	4.2	9.5	1.3	3.5	1.2	3.1	4.7	0.7	4.7	0.6
Pembuatan	93.3	10.9	92.2	9.1	119.2	10.3	242.1	36.5	306.1	41.2
Pembinaan	24.7	5.8	22.5	6.3	27.7	6.8	33.0	5.0	39.8	5.3
Elektik, Gas dan Air	6.8	15.6	6.7	14.9	7.4	15.9	7.8	1.2	8.0	1.1
Pengangkutan, Penyimpanan Dan Perhubungan	31.7	13.0	33.9	13.0	34.9	12.8	42.2	7.3	50.2	6.8
Perdagangan Borong dan Runcit, Hotel dan Restoran	72.0	7.8	71.7	6.7	83.7	7.1	85.0	12.8	86.7	11.7
Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	21.0	10.6	28.1	13.3	34.9	15.8	36.3	5.5	43.6	5.9
Perkhidmatan Kerjaan	69.5	8.5	73.4	8.7	75.0	8.7	-	-	-	-
Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain	26.4	8.5	29.6	8.7	31.0	8.7	112.6	17.0	130.4	17.6
Jumlah Gunatenaga	504.9	9.0	533.1	8.7	594.3	9.1	662.6	8.4	742.0	8.2
Tenaga Buruh	543.2	9.0	585.5	8.8	645.7	9.2	667.2	8.3	760.2	8.2
Pengangguran	38.3	9.2	52.4	9.8	51.4	9.6	14.6	6.5	18.2	7.0
Kadar Pengangguran		7.0				8.0		2.2		2.4

Sumber: Malaysia : Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1989; Rancangan Malaysia Ke-7, Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1995, hlm 78-79.

(d) Pertanian

Mengikut Jadual 5.8, penglibatan masyarakat India dalam sektor ini bagi tahun 1970 cuma 9.6 peratus sahaja. Walaupun begitu, masyarakat India sudah mula meninggalkan sektor ini dan memberi tumpuan kepada sektor lain. Ini dapat dilihat apabila peratus penglibatan masyarakat India bagi tahun 1975, 1980 dan 1985 telah mengalami peningkatan dan penurunan kepada 10.4 peratus, 11.9 peratus dan 8.2 peratus. Perubahan ini berlaku sejajar dengan perkembangan negara dan memberi tumpuan pada sektor-sektor lain.

Walaupun begitu sektor penglibatan masyarakat India dalam sektor ini meningkat menjadi 10.7 peratus pada tahun 1990.

(e) Kewangan, Insuran, Harta Tanah Dan Perkhidmatan Perniagaan

Mengikut Jadual 5.9, penglibatan masyarakat India dalam sektor ini mula melihatkan peningkatan mulai tahun 1985. Pada tahun 1985, penglibatan masyarakat India cuma 10.6 peratus sahaja. Tetapi, menjelang tahun 1988 dan 1990 telah meningkat menjadi 13.3 peratus dan 15.8 peratus. Sektor ini dianggap mempunyai potensi yang agak baik berbanding dengan sektor-sektor lain

Secara keseluruhan, boleh dikatakan bahawa gunatenaga masyarakat India dari tahun 1970 hingga 1995 masih berada dalam purata 10 peratus dan ke bawah. Ini menunjukkan bahawa masyarakat India masih perlu berusaha lebih giat untuk memajukan diri mereka lagi.

Sebelum kemerdekaan asset masyarakat India (terutamanya milik golongan chettiar) bertumpu pada pemilikan ladang-ladang. Tetapi, selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, pemilikan ekuiti masyarakat India mula mengalami perubahan.

Pemilikan ekuiti kaum India dikira berdasarkan pemilikan ekuiti negara. Jadi, pada peringkat awal Malaysia mencapai kemerdekaan, ekuiti masyarakat India berada di tahap yang rendah. Ini dapat dilihat apabila *Masyarakat India hanya boleh memperbaiki sosio-ekonomi mereka sekiranya mereka sanggup tinggalkan ladangladang getah.*²¹

5.3.2 Pemilikan Aset/Ekuiti

Mengikut Jadual 5.10 ekuiti korporat bagi kaum India pada tahun 1969 ialah 0.9 peratus sahaja kerana kebanyakan masyarakat India masih terlibat dalam bidang pertanian sebagai buruh upah di ladang-ladang getah. Keadaan ini menyebabkan mereka gagal membentuk syarikat korporat walaupun telah bekerja untuk jangka masa yang agak lama.

Namun begitu, keadaan ini tidak berubah sehingga tahun 1982. Walaupun jumlah modal bertambah menjadi RM423.7 juta tetapi peratus penguasaan ekonomi negara masih 0.9 peratus sahaja. Hakmilik modal saham masyarakat India pada tahun 1990 ialah 1.0 peratus. Ini menunjukkan dalam masa

²¹ Padmanathan merupakan bekas Naib Presiden MIC, Malaysian Business, 16 Ogos 1985, hlm. 5-7.

10 tahun ekuiti masyarakat India hanya meningkat 0.1 peratus sahaja. Walaupun jumlah pelaburan masyarakat India meningkat menjadi RM1,068.0 juta. Ini adalah kerana berlaku peningkatan penguasaan ekuiti ekonomi oleh masyarakat Melayu dan masyarakat Cina.

Hakmilik modal saham di syarikat-syarikat Berhad Malaysia adalah 0.9 peratus pada 1969. Pada 1970 meningkat menjadi 1.0 peratus dengan memiliki RM1,000 juta.²²

Manakala, pada tahun 1988 meningkat menjadi 1.2 peratus. Pada tahun 1990, jatuh kepada 1.0 peratus. Masyarakat India memerlukan pelaburan tahunan sebanyak RM50 juta untuk tidak jatuh dari 1.0 peratus. Rantindak MIC 1974 pernah mengesyorkan pada kerajaan agar peratus pekerja India diambil kerja dalam bidang kerajaan dan swasta ditingkatkan dari 10.0 peratus ke 15 hingga 20 peratus. Ini adalah selaras dengan matlamat DEB:-

- (i) Mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum.
- (ii) Mempercepat proses penyusunan semula masyarakat bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.²³

²² MIC, The New Economic Policy and Malaysian Indians: MIC Blueprint, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 14.

²³ Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 1.

Tetapi, apabila DEB berakhir pada 1990, masyarakat India masih tidak maju dan berada di tahap yang lebih teruk lagi. Perdana Menteri Malaysia pernah meluahkan rasa dukacita ketika membentang Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua pada 17 Jun 1991. Mengikut beliau masyarakat India masih berada di tahap yang teruk. Ini adalah kerana *kadar kemiskinan masyarakat India pada tahun 1990 ialah 8.0% berbanding dengan 39.0% pada tahun 1970.*²⁴

²⁴ Malaysia, The Second Outline Perspective Plan, 1991 - 2000, Jabatan Perangkaan Negara. Kuala Lumpur, 1991, hlm 46.

JADUAL 5.10

**INVESTMENT : OWNERSHIP OF SHARE CAPITAL OF
LIMITED COMPANIES IN WEST MALAYSIA
1969 AND 1982**

1969		
All Industries		
Companies incorporated in West Malaysia	(\$000)	(%)
Residents		
Malays	49,294	1.0
Malay interests	21,339	0.5
Chinese	1,064,795	22.8
<i>Indians</i>	40,983	0.9
Federal and State Governments	21,430	0.5
Nominee companies	98,885	2.1
Other individuals and locally controlled companies	470,969	10.1
Foreign controlled companies in Malaysia	282,311	6.0
Non Residents		
West Malaysian branches of companies incorporated Abroad	1,235,927	26.4
Net investment by Head Office	1,391,607	29.7
Total	4,677,540	100.0
1982		
Ownership Group	\$ million	%
Malaysian residents	31,903.5	(65.3)
Bumiputera individuals and trust agencies	7,597.3	(15.6)
Bumiputera individuals	3,636.1	(7.5)
Trust agencies	3,961.2	(8.1)
Other Malaysian residents	24,306.2	(49.7)
Chinese	16,345.5	(33.4)
<i>Indian</i>	423.7	(0.9)
Others	772.9	(1.6)
Nominee companies	2,443.2	(5.0)
Locally-controlled companies	4,320.9	(8.8)
Foreign residents	16,970.3	(34.7)
Share in Malaysian companies	10,319.1	(21.1)
Net assets of local branches	6,651.2	(13.6)
Total	48,873.8	(100.0)

Sumber: Jabatan Perangkaan Negara, Kajian Mengenai Pemilikan Syarikat-Syarikat Berhad, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1982.

Pada tahun 1995, ekuiti masyarakat India mengalami pertambahan 100 peratus kepada RM2,723.1 juta. Pertambahan ekuiti ini adalah disebabkan peranan yang dimainkan oleh MIC. Pertamanya, MIC telah memulakan beberapa koperasi. Melalui koperasi-koperasi ini, MIC mula membeli saham-saham dari syarikat-syarikat Berhad. Ini secara tidak langsung mula meningkatkan pegangan ekuiti masyarakat India dalam bidang ekonomi. Keduanya, MIC mula menggalak masyarakat India untuk membeli saham-saham syarikat Berhad agar ekuiti masyarakat India dapat ditingkatkan. Namun begitu, ianya cuma meningkat menjadi 1.5 peratus sahaja daripada penguasaan ekonomi negara secara keseluruhannya. Jadi, boleh dikatakan bahawa kadar pertumbuhan tahunan ekuiti hakmilik modal saham antara tahun 1991 hingga 1995 ialah 20.6 peratus. (Lihat Jadual 5.11)

JADUAL 5.11

**HAKMILIK MODAL SAHAM (PADA NILAI PAR)
SYARIKAT BERHAD, 1990 DAN 1995
(RM Juta)**

Kumpulan Hakmilik	1990	%	1995	%	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 1991-95
Bumiputera	20,877.5	19.3	36,981.2	20.6	12.1
Individu & Institusi Bumiputera	15,322.0	14.2	33,353.2	18.6	16.8
Agensi Amanah	5,555.5	5.1	3,628.0	2.0	8.2
Bukan Bumiputera	50,754.0	46.8	78,026.9	43.4	9.0
Cina	49,296.5	45.5	73,552.7	40.9	8.3
<i>India</i>	1,068.0	1.0	2,723.1	1.5	20.6
Lain-lain	389.5	0.3	1,751.1	1.0	35.1
Rakyat Asing	27,525.5	25.4	49,792.7	27.7	12.6
Syarikat Nomini	9,220.4	8.5	14,991.4	8.3	10.2
Jumlah	108,377.4	100.0	179,792.2	100.0	10.7

Sumber: Laporan Am Banci Penduduk, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jilid 2, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 91.

Mengikut perangkaan yang diberikan (Lihat Jadual 5.12) cuma 19.63 peratus masyarakat India sahaja bekerja dalam syarikat-syarikat berhad. Hampir 65 peratus daripada mereka mencrima gaji kurang daripada RM600.00. Jadi, adalah mustahil masyarakat India boleh membeli saham-saham syarikat-syarikat Berhad dalam jangka masa yang pendek. Jadi kegagalan masyarakat India untuk melabur dan mengukuhkan ekonomi telah menyebabkan ekuiti masyarakat India masih berada bawah 2 peratus. Ini adalah kerana kebanyakan masyarakat India masih bekerja sebagai kaum buruh. Jadi, untuk mengatasi

masalah ini, MIC telah memulakan beberapa langkah dengan menubuhkan koperasi-koperasi milik MIC itu sendiri.

JADUAL 5.12

MALAYSIA: PEKERJAAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERHAD YANG MENJALANKAN USAHANYA DI MALAYSIA MENGIKUT BANGSA DAN KUMPULAN GAJI/UPAH

GAJI/UPAH SEBULAN RM	BUMIPUTERA	CINA	INDIA	DAN LAIN-LAIN	BUKAN WARGA-NEGARA	JUMLAH
4,000 dan Lebih	2,592	5,801	582	205	2,215	11,395
	22.75	50.91	5.11	1.80	19.44	100.0
2,000-3,999	7,367	15,884	1,470	549	1,297	26,567
	27.73	59.79	5.53	2.07	4.88	100.0
1,200-1,999	12,808	24,920	2,992	803	886	42,409
	32.20	58.76	7.06	1.89	2.09	100.0
1,000-1,199	7,427	13,032	2,386	457	433	23,735
	31.29	54.91	10.05	1.93	1.82	100.0
800-999	13,979	19,021	4,395	850	438	38,683
	36.14	49.17	11.36	2.20	1.13	100.0
600-799	31,181	29,591	10,754	1,804	854	74,184
	42.03	39.89	14.50	2.43	1.15	100.0
400-599	72,997	43,813	27,019	2,914	2,763	149,506
	48.83	29.31	18.07	1.95	1.85	100.0
200-399	117,989	37,755	68,432	4,059	9,223	237,458
	49.69	15.90	28.82	1.71	3.88	100.0
100-199	26,120	3,422	9,270	2,014	5,180	46,006
	56.78	7.44	20.15	4.38	11.26	100.0
Bawah 100	1,582	547	958	229	172	3,488
	45.36	15.68	27.47	6.57	4.93	100.0
Jumlah	294,042	19,786	128,258	13,884	23,461	653,431
	45.0	29.66	19.63	2.12	3.59	100.0

Sumber

Malaysia: Perangkaan Utama Mengenai Kepunyaan dan Penyertaan di dalam Perdagangan dan perusahaan Malaysia, 1968, Jabatan Perangkaan Negara, Kuala Lumpur, 1990.

*Bagi syarikat-syarikat yang mempunyai hasil RM5 juta dan lebih.

5.4 Peranan Yang Dimainkan Oleh MIC

5.4.1 Pengenalan

Oleh kerana MIC tidak dapat memainkan peranan yang aktif dalam bidang ekonomi sebelum kemerdekaan, maka selepas kemerdekaan tumpuan MIC mula beralih. MIC sedar bahawa sekiranya masyarakat India ingin terus kekal di Malaysia, maka masyarakat India harus menguasai ekonomi negara. Jadi, untuk mencapai wawasan tersebut, MIC telah memulakan beberapa langkah ekonomi dengan menubuhkan beberapa koperasi. Melalui koperasi ini, MIC berharap akan mendapat sedikit peningkatan dalam penguasaan ekuiti negara.

Perkembangan ekonomi dan perkembangan politik memberi laluan kepada MIC untuk menubuhkan NESA, , Koperasi Pekerja Jaya, Koperasi Maju Jaya, Maika Holdings Berhad dan lain-lain lagi. MIC telah menggalak semua masyarakat India melabur dalam syarikat-syarikat ini agar penguasaan ekonomi masyarakat India meningkat.) Golongan pekerja dan pertengahan banyak melabur dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh MIC. Masyarakat India berada dalam keadaan yang lemah berbanding dengan masyarakat Cina yang telahpun maju ke hadapan dan masyarakat Melayu yang dimajukan secara agresif oleh Kerajaan dalam usaha menguasai ekonomi negara.²⁵ Penubuhan koperasi-koperasi ini telah memberi peluang baru kepada segelintir masyarakat India dalam usaha meningkatkan taraf hidup sekaligus meningkatkan ekuiti masyarakat India dalam bidang ekonomi.

²⁵ Ramasamy, P., *Keadaan Masyarakat India Di Malaysia*", Majalah Semparuti, Semparuti Publications, Kuala Lumpur, Mei 1998, hlm 14.

Pada awalnya, perubahan tindakan MIC ini dapat dilihat apabila Sambanthan mula mengalih perhatiannya daripada bidang politik ke bidang ekonomi. Perubahan ini juga adalah disebabkan oleh masalah yang dihadapi masyarakat India pada masa tersebut iaitu masalah perpecahan ladang.

Sambanthan memulakan langkah MIC dengan menubuhkan National Land Finance Cooperative Society (NLFCS). Walaupun NLFCS ini tidak diwujudkan dan ditadbir oleh MIC secara langsung, tetapi penubuhan NLFCS ini telah memberi nafas baru dan semangat kental kepada MIC.

Dalam masa setahun penubuhan, NLFCS dapat mengumpul 15,000 ahli bersama modal yang berjumlah RM1 juta.²⁶ NLFCS membeli ladang-ladang yang dijual dan menggabungnya dalam satu organisasi. Tujuan penubuhan NLFCS²⁷ adalah:

- (i) Untuk mengurangkan kadar pengangguran orang-orang India di ladang-ladang.
- (ii) Membuka lebih banyak peluang pekerjaan.
- (iii) Mengikis kemiskinan di kalangan pekerja ladang.
- (iv) Menukar status buruh ladang menjadi pemilik harta.

²⁶ Muniretnam Muniandy, *Senario Politik MIC Dato' Seri S. Samy Vellu*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95, hlm 25.

²⁷ Chong Kow Ming, *A Study of The NLFCS*, Acadex, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 9.

Langkah ini menjadi titik permulaan bagi masyarakat India dan MIC untuk menguasai ekonomi negara.

Selepas Sambanthan, Manickavasagam menerajui MIC. Pada ketika ini beberapa koperasi ditubuhkan. Antaranya Koperasi NESPA, Koperasi Pekerja Jaya (KPJ) dan sebagainya. Oleh kerana Kerajaan tidak mempunyai satu dasar yang jelas terhadap keadaan sosio-ekonomi masyarakat India, maka MIC memulakan satu dasar ekonomi untuk kaum India. Pertamanya, Manickavasagam telah memperkenalkan "Blue Print",²⁸ untuk mencorak masyarakat India. Ini merupakan kali pertama MIC merangka satu Blue Print semata-mata untuk mencari jalan bagi meningkatkan meningkatkan kesedaran dan penguasaan ekonomi negara oleh kaum India. Dalam Blue Print tercatat

"Their Implementation will involve the community, the party and the government".²⁹

Ini terbukti apabila pendapatan masyarakat India masih rendah sehingga tahun 1979. (Lihat Jadual 5.13)

²⁸ Blue Print - dilancarkan oleh Presiden MIC iaitu Manickavasagam dengan harapan menyumbang kemahiran pendidikan dan teknikal sejajar dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970.

²⁹ MIC - "Blue Print", MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1974, hlm 1.

JADUAL 5.13

**PENDAPATAN BULANAN ISI RUMAH KUMPULAN EMPAT PULUH
PERATUS TERENDAH BAGI TAHUN 1970, 1976, 1979**

TAHUN RM	1970	1976	1979	1971-76	1971-79
MELAYU	56.76	101.95	140.35	10.3	10.6
CINA	35.95	247.27	280.11	10.5	8.4
INDIA	112.48	197.21	263.43	9.8	9.9
LAIN-LAIN	44.72	107.08	154.37	15.7	14.8
JUMLAH	75.90	142.19	186.19	11.0	10.5

Sumber: Rancangan Malaysia Ke I, II, III, IV, V

Rancangan Blue Print ini tidak dapat berjalan lancar kerana MIC menghadapi beberapa masalah. Pertamanya, MIC sendiri cuba menegakkan kedudukan politik mereka yang tidak stabil. Lagipun, tumpuan banyak diberi kepada aktiviti-aktiviti ekonomi di kawasan bandar-bandar utama berbanding dengan kawasan luar bandar. Ini telah menjadi kelemahan MIC dalam menguasai ekonomi negara.

MIC memulakan langkah agresif untuk menguasai ekonomi negara apabila Samy Vellu menggantikan Manickavasagam.

"The Need for a big push by the Indian community on the ownership front in the corporate sector is absolutely vital not only because its ownership share has stagnated at the one percent level but also because Indian employment and entrepreneurship in the modern high-productivity and high-income sector will depend, at least to some extent, on the ownership and control it exercises in this sector,

especially given the non-economic considerations that can govern hiring and firing.”³⁰

Langkah pertama dibuatnya adalah menganjurkan satu tabung khas secara besar-besaran untuk melahirkan kepercayaan masyarakat India terhadap MIC. Pada mulanya MIC telah memulakan koperasi Maika Berhad (MHB) sebagai satu unit pelaburan khas untuk masyarakat India pada 13 September 1982. Untuk menggalak lebih ramai masyarakat India melabur dalam MHB, maka MHB telah melahirkan syarikat-syarikat subsidiari.

MIC pusat telah meminta kesemua ahli MIC untuk membeli saham-saham Maika Holdings sejak pelancarannya pada 13 April 1984.³¹ MIC telah berjaya mengumpul RM106 juta dengan jumlah pemilik sahamnya seramai 66,649 orang.³² Penglibatan MIC dalam perniagaan tidak berjaya membantu masyarakat India meningkatkan pemilikan ekuiti mereka dalam sektor korporat jika dibanding dengan masyarakat Melayu dan Cina. Walau bagaimanapun, Sambanthan dan Samy Vellu telah membuktikan kejayaan mereka mengumpul sumber modal daripada masyarakat India untuk pelaburan-pelaburan yang besar tetapi ... *selagi*

³⁰ Sivalingam, A., *Economic Problems and Challenges Facing the Indian Community in Malaysia*, dalam Sandhu, K.S., dan Mani, A., (Ed.), *op.cit.*, hlm 398.

³¹ Gunaseelan, P., *Samy Vellu In Nayagan's View*, Kalai Ranjani Arts, Kuala Lumpur, 1994, hlm 18.

³² Laporan Tahunan MIC, 1983/84, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1984, hlm 50-51.

*perniagaan-perniagaan itu di bawah parti politik, kepentingan pemimpin politik dan parti politik akan lebih diutamakan daripada kepentingan orang ramai.*³³

Pendapat ini ada kebenarannya kerana pemimpin politik tidak mempunyai banyak masa untuk menjalankan perniagaan syarikat-syarikat milik MIC. Ini adalah kerana pemimpin-pemimpin MIC banyak 'memberi tumpuan terhadap kerjaya politik mereka. Selain itu, aktiviti perniagaan persendirian juga diberi tumpuan. Sementara itu, MIC juga telah meminta pada Kerajaan agar masyarakat India diletak dalam kategori yang berlainan dalam pemilikan saham korporat. Ini adalah kerana MIC dan MCA diletak dalam kumpulan Bukan Bumiputera dengan jumlah pemilikan saham sebanyak 40 peratus. MIC sedar bahawa cara ini akan merugikan masyarakat India. Sebab itulah MIC meminta agar mereka dikategorikan secara berasingan. *Tujuan MIC meminta lebih banyak perhatian daripada kerajaan adalah agar masyarakat India dapat menyaiangi kaum-kaum lain dalam jangka masa 20 tahun akan datang.*³⁴

Jadi, untuk meningkatkan ekuiti korporat, pada awalnya MIC telah melabur RM10 juta dalam TV3 dan membeli saham-saham Sistem Penerangan Malaysia (MAS). Mengikut akhbar The Star, *MIC juga telah membeli sebuah ladang bernama Ladang Tumbuk dengan kos sebanyak RM13 juta.*³⁵

³³ Jagathasan Naidu Ramakrishnan, *Masyarakat India Malaysia Dan Dasar Ekonomi Baru : Satu Kes Kajian Terhadap Penyertaan Ekuiti*, Tesis M.P.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 17.

³⁴ Krishnan, L., *MIC di bawah pimpinan Tan Sri Manickavasagam (1973-1979) : Satu Analisa Mengenai Dasar dan Pencapaiannya*, Latihan Ilmiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 1981, hlm. 17.

³⁵ The Sunday Star, 24 November 1985.

Tetapi, MIC yang hanya memikir keuntungan dalam jangkamasa pendek telah menjual saham-saham di TV3. Sebenarnya, MIC haruskekalkansaham TV3 ataupun menambah saham di TV3 yang banyak membawa keuntungan kepada pelabur. Di samping itu, Kerajaan juga turut membantu masyarakat India dari masa ke semasa. Kerajaan telah menawarkan lesen tender telekom kepada MIC, Nampaknya, kali ini juga MIC gagal mempertahan khazanah ini. MIC telah menjual aset ini untuk mendapat keuntungan serta-merta.

Menurut laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara,

... pemilikan ekuiti kaum India tidak bertambah sejak tahun 1970 dan kekal di dalam lingkungan satu peratus sahaja daripada jumlah saham di sektor korporat. Langkah khusus perlu diambil bagi memperbaiki keadaan ini.³⁶

Penguasaan ekonomi oleh kaum India tidak akan meningkat sekiranya MIC terus menjual saham-saham yang dimilikinya di sektor-sektor lain.

Pemilikan modal bumiputera perseorangan dan kepentingan bumiputera dalam agensi-agensi amanah telah meningkat kepada 19.4%, masyarakat Cina 32.6%, manakala masyarakat India pula 1.2.³⁷

³⁶ Malaysia, Dasar Ekonomi Untuk Pembangunan Negara : Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 238.

³⁷ Malaysia, Rancangan Malaysia Keenam, 1990-1995, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991, hlm 14.

Jadi, MIC telah mencontohi Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam sektor perniagaan dan perdagangan. Syarikat Insuran utama yang dikuasai oleh kaum India adalah United Oriental Assurance Sendirian Berhad (UOA) yang dipengerusi oleh Tan Sri Kishu Tirathai. *Pemegang saham terbesar adalah Maika Holdings (syarikat pelaburan MIC yang memiliki 71.4 peratus hakmilik).* Sebelum ini hakmilik Maika Holdings dalam UOA adalah hanya 23 peratus.³⁸

Pada awalnya MIC mempunyai 10 peratus hak ekuiti ke atas United Oriental Bank (3,000 saham pada harga RM2.00 bernilai RM3.5 juta). MIC telah menjual saham-saham itu tanpa pengetahuan masyarakat India. Sehingga kini, tiada sebarang alasan munasabah diberi kepada kaum India. Manakala masyarakat India juga tidak banyak ingin tahu mengenai hak ekuiti yang dimiliki oleh MIC dan masyarakat India secara keseluruhannya.

Dalam pada itu, MIC telah gagal dalam usaha menuju sebuah bank berasingan pemilikan masyarakat India kerana permohonan MIC ini ditolak oleh Bank Negara. MIC diminta agar membeli lesen perniagaan, kewangan dan insuran di pasaran terbuka. Keadaan ini lebih banyak menyulitkan masyarakat India. Ini adalah kerana mengikut pendapat Lourdesamy, ... *pada masa ini menghadapi masalah dalam mendapat pinjaman ... Kaum India Malaysia tidak akan dapat menyertai dalam aktiviti sektor perbadanan.*³⁹

³⁸ New Straits Times, "Maika Holdings To Reduce Stake In UOA", 10 May 1995.

³⁹ Lourdesamy, I., "Perdagangan dan Pelaburan", *Declarations and Recommendations*, P.K. Sdn Bhd, Petaling Jaya, 1980, hlm. 90-93. Beliau merupakan salah seorang ahli ekonomi terkemuka dan pernah menjadi penasihat Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

MIC tidak mahu membeli lesen perniagaan kewangan di pasaran terbuka kerana ia boleh merugikan masyarakat India dan juga MIC. Jadi, untuk mengatasi masalah ini MIC pernah menyuarakan kepada kerajaan bahawa: *MIC tidak puashati... kaum India ditawarkan bekerja sebagai buruh, budak pejabat dan atendan lif.*⁴⁰ Jadi, Samy Vellu menekankan agar masyarakat India tidak banyak bergantung kepada pihak kerajaan dalam mendapatkan sesuatu pekerjaan. Beliau juga menyarankan agar masyarakat India mencontohi masyarakat Cina yang lebih berdikari. Tetapi saran-saran itu nampaknya kurang menepati sasaran. Masyarakat India yang hidup dalam serba kekurangan, sudah tentu akan menghadapi masalah besar untuk berdikari. Lagipun, penguasaan ekonomi masyarakat India cuma 1.5 peratus sahaja.

Di sektor swasta, masyarakat India kerap menghadapi banyak masalah terutamanya dalam mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Dalam Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991 - 2000:

*... bagi kaum India, bahagian mereka dalam beberapa bidang pekerjaan adalah lebih rendah daripada nisbah penduduk mereka. Dalam bidang-bidang pekerjaan di mana penyertaan mereka adalah sangat memuaskan, dari segi mutlak pertambahannya adalah lebih daripada yang dicapai oleh kaum bumiputera dan Cina. Akibatnya, bahagian kaum India dalam pekerjaan profesional telah menurun secara berterusan sejak 1970.*⁴¹

⁴⁰ The Sunday Star, 18 Ogos 1985. (G. Pasamanikam. Pengerusi Parti MIC Negeri Johor.)

⁴¹ Malaysia, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991 - 2000, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 13.

Walaupun begitu, masyarakat India sanggup ke Estet Moden* untuk bekerja berbanding ke sektor kerajaan. Dalam perhimpunan Agung MIC kali ke 33, Presiden MIC pernah menyatakan bahawa,

Pelajar-pelajar sekolah Tamil menghadapi masa depan yang gelap dan menegaskan bahawa MIC melibatkan diri dalam politik tempatan untuk membawa kemakmuran dan kemajuan kepada kaum India yang serba kekurangan.⁴²

Ini adalah berpandukan situasi estet yang tidak menyediakan peluang pekerjaan untuk memperbaiki diri dan keluarga mereka. Di samping itu, estet-estet juga tidak menggalak penghijrahan pekerja dari ladang ke kawasan bandar. Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan 1957 sehingga 1983, lebih daripada 50 peratus masyarakat India masih berada di estet-estet. *Gaji yang diterima oleh buruh-buruh yang berkerja di estet-estet ini kurang daripada RM350 sebulan sehingga tahun 1985.*⁴³ Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kebanyakan masyarakat India bergantung kepada estet-estet bagi menangani kadar kemiskinan yang masih tinggi (54.6%) pada tahun 1983. (Lihat Jadual 5.13) Kata-kata pemimin MIC hilang begitu sahaja kerana pemimin bawahan MIC tidak berusaha menempatkan masyarakat India di kawasan perumahan apabila ladang-ladang getah dimajukan. Ini menyebabkan masyarakat India hilang kepercayaan terhadap kata-kata pemimpin MIC yang berjanji untuk membantu mereka.

⁴² Ucapan Dasar Presiden MIC, Perhimpunan Agung Yang Ke-33, 20-21 Julai 1985.

⁴³ Laporan Kementerian Buruh, Bahagian Penyelidikan dan Pelancaran, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 40-41.

* Estet Moden - Dirujuk kepada kilang-kilang. (sektor perindustrian)

Sebenarnya, pelancaran dan pelaksanaan DEB tidak memberi sebarang perubahan kepada masyarakat India. SERU pernah membuat kajian selepas 10 tahun DEB berjalan. Mengikut laporannya, pekerja-pekerja estet jauh ketinggalan dalam sosio-ekonomi. Kebanyakan pekerja ini terdiri daripada kaum India. Selain itu, kos kehidupan yang tinggi di bandar juga turut menghalang masyarakat India dari meningkatkan diri dari tahap kemiskinan.⁴⁴ “*Bad and over crowded housing has its usual effect of increasing the inherent social problems of urban life.*⁴⁵ Mereka kerap kali menghadapi masalah perumahan kerana berpendapatan rendah menyebabkan mereka terpaksa tinggal di rumah-rumah setinggan.

Jadi, untuk mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat India, MIC telah memulakan beberapa rancangan untuk meningkatkan penguasaan ekonomi negara. Rancangan-rancangan yang dilancar diharap dapat memulihkan sokongan masyarakat India terhadap MIC. Antara rancangan ekonomi utama yang dilancarkan adalah Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai Berhad (NESPA), Koperasi Pekerja Jaya (KPJ) dan Maika Holdings Berhad (MHB).

⁴⁴ Untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan India turut berada dalam kemiskinan, rujuk Jain, Ravindra, K., *The Indians in Malaya : Settlement, Stratification and Politics of a Plantation Proletariat*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1968, hlm 97-175.

⁴⁵ Gullick, J.M., *MALAYA*, Ernest Benn Limited, London , 1964, hlm. 201.

5.4.2 Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai Berhad (NESa)

Syarikat kerjasama NESa Pelbagai Berhad telah dilahirkan oleh Manickavasagam pada tahun 1974.⁴⁶ Ini merupakan syarikat kerjasama milik MIC yang pertama. Manickavasagam yang berpandangan jauh telah mewujudkan NESa dengan harapan masyarakat India dapat memiliki tanah sama ada secara perseorangan ataupun berkumpulan. Tanah-tanah yang akan dibeli oleh NESa nanti akan digunakan sebagai tapak perumahan, pertanian mahupun perniagaan.

NESa telah berjaya membeli tanah seluas 750 ekar dengan harga RM30 juta. *NESA juga telah menjalankan projek pembinaan rumah untuk ahli-ahlinya.*⁴⁷ NESa mempunyai modal saham terkumpul sebanyak RM9.83 juta dengan 37,929 orang ahli. Pada tahun 1985, iaitu ketika negara mengalami kemelesetan ekonomi, NESa telah memberi dividen sebanyak 10 peratus kepada ahli-ahlinya.⁴⁸ Pemberian dividen ini sekaligus telah menyemarakkan semangat masyarakat India terhadap syarikat usahasama yang dibentuk oleh MIC.

Pemberian dividen ini dilakukan sebegini agar lebih ramai masyarakat India akan melabur dalam syarikat NESa. Ini adalah kerana *modal simpanan tetap adalah aset yang menjadi modal pinjaman untuk ahli-ahlinya.*

⁴⁶ Morgan Raj David, *Kedudukan Ekonomi-Politik Masyarakat India Di Malaysia*" Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995, hlm. 145.

⁴⁷ Laporan Tahunan MIC, 1986/87, Ibu Pejabat MIC, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 33-35.

⁴⁸ Laporan Tahunan MIC Yang Ke-33. MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 37-38; Morgan Raj David, *op.cit.*, hlm. 148.

Sehingga tahun 1987 sejumlah RM60.09 juta telah diagaihkan sebagai pinjaman kepada ahli-ahlinya sejak ditubuhkan pada tahun 1974.⁴⁹

Sementara itu, skim perumahan yang dilancarkan meliputi seluruh negara agar lebih ramai masyarakat India akan mendapat manfaat daripada NESPA.⁵⁰ Antara kawasan tersebut ialah -

- (a) Taman Tasek (Ipoh)
- (b) Taman NESPA (Fasa 2 - Port Dickson)
- (c) Taman NESPA (Kuala Pilah)
- (d) Taman Dato' N. S. Maniam (Dengkil)
- (e) Taman Tan Sri Manickavasagam (Setiawan)
- (f) Taman NESPA (Skudai)
- (g) Taman NESPA (Rantau)
- (h) Taman NESPA (Mentakab)
- (i) Taman NESPA Fasa I (Tampin)
- (j) Taman NESPA Fasa 11 (Tampin)

Dari sini boleh dikatakan bahawa NESPA sememangnya ada membantu masyarakat India untuk menjadi pemaju perumahan yang berjaya. Usaha ini mendapat sambutan hangat daripada masyarakat India. Sambutan menggalakkan dari masyarakat India menyebabkan NESPA mencebur diri dalam

⁴⁹ Laporan Tahunan MIC, 1983/84, Ibu Pejabat MIC, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 28-30 dan 40-42.

⁵⁰ Jegathesan, M., "MIC Dan Masalah Ekonomi Masyarakat India Malaysia Dari Tahun 1957-1984", Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1985/86, hlm. 110.

bidang pengangkutan.⁵¹ NESA telah membeli 50 buah teksi dan menyewakan kepada ahli-ahlinya. Walaupun penglibatan ini dianggap kecil, namun NESA berjaya memberi perkhidmatan sosial yang baik. Selain itu, NESA juga telah memohon kepada kerajaan untuk mendapatkan permit bas dan lori. Tetapi permohonan NESA ditolak oleh pihak kerajaan.

Oleh kerana NESA tidak banyak mempunyai pengalaman dalam bidang pengangkutan, maka NESA telah mula mengalami kerugian terutamanya dalam projek penyewaan teksi. Ini telah memberi tamparan hebat kepada pemilik saham NESA. Bagi mengatasi kemelut di atas, NESA telah mendirikan beberapa anak syarikat⁵² agar pelaburan NESA boleh membawa hasil yang memuaskan.

Antara syarikat yang ditubuhkan adalah -

- (a) Sri NESA Trading Sdn Bhd
- (b) Sri NESA Credit & Leasing Sdn Bhd

Selain itu, penglibatan NESA dalam projek-projek harta benda⁵³ juga dijalankan untuk memperkembang penglibatan NESA dalam arena perniagaan. Antara pembelian itu adalah -

- (a) Taman Tun Dr Ismail - 2 unit

⁵¹ Laporan Tahunan MIC, MIC Pusat, Kuala Lumpur : 1981/82, hlm 26-28; Untuk maklumat lanjut mengenai peranan NESA dalam bidang pengangkutan, rujuk, Morgan Raj David, *opcit.*, hlm. 147; Jegathesan, M., *op. cit.*, hlm. 111.

⁵² Laporan Tahunan MIC, 1985/86, Ibu Pejabat MIC, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 29-30.

⁵³ Laporan Tahunan MIC, 1980/81, Ibu Pejabat MIC, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 75-77.

- (b) Pelaburan dalam saham United & Oriental Assurance
- (c) Pelaburan di Bank Buruh
- (d) Pelaburan dalam Unit Amanah MIC Bhd
- (e) Pelaburan dalam saham Timah Langkat
- (f) Pembelian saham di dalam kompleks membeli-belah di Sea Park
- (g) Skim Pelajaran NESA

Oleh kerana NESA membeli dan melabur tanpa perancangan yang betul, maka NESA telah mengalami kerugian yang besar. NESA juga tidak mengisyihar harta-harta yang dibeli kepada pemilik saham. Apakah yang telah terjadi kepada harta-harta tersebut? Perkara ini masih menjadi tanda tanya walaupun ramai yang telah lupa dan kecewa dengan kegagalan NESA. Tindakan terburu-buru pihak pengurusan NESA dalam membeli dan menjual harta menyebabkan pemilik saham yang mengalami kerugian. Ini adalah kerana Pengerusi NESA pada masa itu S. Subramaniam⁵⁴ kini masih aktif dalam arena politik dan menjadi Timbalan Menteri. Ini menunjukkan ahli-ahli MIC masih belum cukup matang untuk memilih wakil-wakil yang betul-betul berwibawa untuk memimpin mereka.

Sekiranya sesebuah syarikat milik MIC mengalami kerugian, ini bermakna pihak pengurusan syarikat tersebut lemah dan patut disingkir dan

⁵⁴ Subramaniam, S., merupakan Timbalan Presiden MIC sejak tahun 1979 sehingga kini. Beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Hal Ehwal Pengguna.

bukannya ditawar dengan jawatan yang lebih tinggi lagi. Sehubungan dengan itu NESA telah gagal meningkatkan ekuiti masyarakat India.

5.4.3 Koperasi Pekerja Jaya (KPJ)

Koperasi Pekerja Jaya ditubuhkan dengan tujuan masyarakat India dapat memiliki harta melaluinya. KPJ ini telah diasaskan oleh S. Samy Vellu pada tahun 1979⁵⁵ yang prihatin terhadap masalah perumahan masyarakat India. Beliau berharap KPJ dapat membantu masyarakat India mengatasi masalah perumahan.⁵⁶ Kelahiran KPJ adalah ikutan kejayaan NESA. Walaupun matlamat KPJ ini adalah murni tetapi secara keseluruhannya KPJ gagal dalam usahanya sama seperti NESA.

KPJ menyebarkan objektif-objektif yang menarik kepada masyarakat India. Hasilnya, KPJ berjaya mengumpul modal saham sebanyak RM2,889,358.48 dengan 24,784 orang sebagai ahli sehingga tahun 1986. KPJ telah memulakan projek perumahan di Sungai Siput dan Seremban apabila berjaya membeli 395 ekar tanah. *KPJ juga telah mengeluarkan pinjaman kepada ahli-ahlinya untuk membeli tanah pertanian untuk diusahakan serta pendidikan.*⁵⁷ Di samping itu, dividen 10 hingga 14 peratus diberikan kepada ahli yang melabur wang dalam Skim Simpanan Tetap KPJ. Ini adalah supaya KPJ boleh menggunakan wang tersebut dalam urusan pelaburan. Pelaburan utama KPJ

⁵⁵ Muniretnam Muniandy, "Senario Politik MIC Dato' Seri S. Samy Vellu", Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95, hlm. 122.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Laporan Tahunan MIC, 1986/87, Ibu Pejabat MIC, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 35-37.

adalah dalam projek perumahan. KPJ telah berjaya menjayakan 18 projek perumahan. Masyarakat India diberi 60 peratus rumah-rumah yang dibina. Bakinya dibuka kepada kaum lain agar masyarakat majmuk dapat dilahirkan dalam setiap projek perumahan oleh KPJ. Skim perumahan KPJ terbahagi kepada 3 kategori:⁵⁸

- (i) Membangunkan tanah yang dibeli oleh ahli-ahlinya.
- (ii) Membangunkan tanah anggotanya menurut kehendak mereka.
- (iii) Membangunkan tanah yang diperuntuk kepada anggota-anggota oleh kerajaan negeri.

Projek perumahan KPJ juga meliputi seluruh negara⁵⁹ seperti NESPA. Antara projek- projek tersebut adalah:-

- (a) Taman Tun Sambanthan, Sg Siput - Fasa I dan II
- (b) Taman Thivy Jaya (Seremban)
- (c) Skim Perumahan Kajang
- (d) Skim Bukit Aman
- (e) Skim Batu Caves
- (f) Skim Perumahan Gopeng (Perak)
- (g) Skim Perumahan Assam Kumbang, Taiping
- (h) Skim Perumahan Raub
- (i) Skim Perumahan Rim
- (j) Skim perumahan Golden Hope Estate, Pandamaran
- (k) Skim Perumahan Teluk Intan

⁵⁸ Laporan Tahunan MIC, 1982/83, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1983, hlm 52; Muniretnam, Muniandy, *op.cit.*, hlm 123.

⁵⁹ Laporan Tahunan Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-33, MIC Pusat Kuala Lumpur, 1985, hlm 39; Morgan Raj, *op.cit.*, hlm 156.

Pada awalnya, KPJ menjalankan operasinya dengan baik. Tetapi, KPJ juga telah mengalami kerugian kerana pengurusan dan pentadbiran KPJ yang lemah. Akibatnya, pelabur-pelabur KPJ juga turut mengalami kerugian yang besar kerana kebanyakan pelabur telah berhutang dengan bank dan menggadai harta untuk melabur wang ke dalam KPJ. MIC akan hilang martabat di kalangan masyarakat India sekiranya syarikat-syarikat kelahiran MIC terus gagal menjadi contoh yang konkret kepada masyarakat India yang ingin maju setapak ke hadapan.

5.4.4 Maika Holdings Berhad (MHB)

Ditubuhkan untuk mengubah pemilikan saham masyarakat India yang kekal dalam lingkungan satu peratus sejak tahun 1960 sehingga tahun 1994.⁶⁰ Selain bermatlamatkan pemilikan saham oleh kaum India, MHB juga cuba membantu masyarakat India dari segi sosio-ekonomi yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka. Pada tahun 1996, pemilikan saham oleh kaum India meningkat kepada 1.5 peratus.⁶¹ Ini menunjukkan bahawa DEB telah gagal menyusun kembali masyarakat kaum India ke tahap pemilikan saham 10% menjelang tahun 1990.⁶² Ini menunjukkan kerajaan juga telah gagal mengagih kekayaan negara yang dikatakan dirasai oleh semua kaum di Malaysia.

⁶⁰ Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Keenam. Dipetik daripada Ramasamy, P., "NEP and the Indians", Data yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1998, hlm. 38-41; D.P. Vijandran dalam kajiannya pula berpendapat ekuiti masyarakat India sehingga tahun 1980 masih berada dalam lingkungan satu peratus. "The NEP and Malaysian Indians : An Overview", Second Malaysian Economic Seminar. Regent Hotel, Kuala Lumpur: 13 Julai 1980, hlm. 19.

⁶¹ Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1996, hlm 91.

kekayaan negara yang dikatakan dirasai oleh semua kaum di Malaysia. Masyarakat India yang terus dihimpit kemiskinan tidak dapat membebaskan diri daripadanya. Akibatnya, pemilikan ekuiti saham berada di bawah tahap 2 peratus sejak DEB dilancarkan dan wawasan 2020 diisytharkan.

Oleh kerana penglibatan yang kurang di kalangan masyarakat India dalam ekuiti korporat terutamanya dalam pemilikan saham-saham yang disenaraikan, maka mereka mengalami kehilangan yang begitu besar hasil daripada peningkatan pasaran modal syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). MIC yang sedar akan masalah ini telah mencari alternatif agar pemilikan saham masyarakat India dapat ditingkatkan. Akibatnya, MIC telah meminta bantuan dan nasihat pakar-pakar, ahli politik, peniaga profesional dan usahawan-usahawan yang berjaya. Akhirnya, MIC telah melahirkan **Maika Holdings Berhad (MHB)** pada 13 September 1982.

MHB cuba mengikut jejak langkah Permodalan Nasional Berhad dan Amanah Saham Nasional. *Pengerusi pertama MHB ialah Tan Sri Selvarajah, manakala ahli lembaga pengarah terdiri-i daripada ahli-ahli perniagaan yang berjaya dan ahli-ahli profesional.*⁶³ Maika Holdings telah membuka pemilikan saham-sahamnya kepada masyarakat India pada 13 April 1984. Untuk memastikan semua ahli MIC memperoleh saham MHB, maka "sistem 50 untuk

⁶³ Jagathasan Naidu Ramakrishnan, *op.cit.*, hlm. 149.

satu cawangan” dijalankan. Satu hubungan ekonomi yang sistemalik dapat diwujudkan⁶⁴

Sistem ini diwujudkan agar MIC boleh mengumpul modal sebanyak RM35 juta. Setiap saham bernilai RM1.00. MHB telah berjaya mengumpul RM100 juta dalam masa 100 hari perasmianya. Ini merupakan satu kejutan kepada MIC dan masyarakat India itu sendiri. Masyarakat India mula melabur dalam MHB apabila Presiden MIC (Samy Vellu) memulakan kempen mengumpul modal untuk MHB secara agresif. Semua jentera MIC digerakkan agar tujuan dan matlamat murni penubuhan MHB dapat sampai kepada masyarakat India massa. Ketidakjayaan koperasi-koperasi tajaan MIC sebelum ini telah menjadi satu pengalaman dan pengajaran kepada MIC. Akibatnya, Presiden MIC sendiri telah mula menjelajah ke seluruh pelusuk negara untuk berjumpa dengan masyarakat India massa. Tindakan pemimpin bersama rakyat ini telah menyebabkan masyarakat India terutamanya masyarakat India massa mendapat keyakinan dan mula melabur dalam MHB.

Ucapan-ucapan Presiden MIC yang meningkatkan kesedaran untuk menguasai ekonomi negara turut membantu meningkatkan pelaburan masyarakat India ke dalam MHB. Selain itu, penerangan-penerangan berkaitan perjalanan MHB juga turut diperjelaskan. Antaranya, "keuntungan dari perniagaan yang dijalankan oleh Maika akan dipulangkan kepada pelabur-pelabur dalam bentuk

⁶⁴ Laporan Tahunan mIC, 1983/84, Ibu Pejabat MIC, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 118.

dividen".⁶⁵ Sementara itu, peluang untuk masyarakat India massa berjumpa dan berbincang dengan Presiden turut menjadi faktor penarik untuk melabur dalam MHB. Ini merupakan tanda awal masyarakat India sedar akan kepentingan penguasaan ekonomi. Sehingga tahun 1984, jumlah memegang saham MHB adalah 66,000 orang. Sehingga penghujung 1984, MHB telah mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM4.2 juta. Pelbagai usaha dijalankan untuk menambah keuntungan MHB. Untuk itu, MIC telah mula melabur dalam syarikat-syarikat yang berdaftar dengan BSKL. *Sehingga tahun 1986, MHB mempunyai saham di 32 syarikat berdaftar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4 juta.*⁶⁶

Masyarakat India sudah mula menaruh harapan yang besar terhadap MHB. Maika Holdings telah melahirkan beberapa anak syarikat.⁶⁷ Antaranya ialah:

- (i) Syarikat Pembinaan Maika Sdn Bhd
- (ii) Sri Vijaya Development Sdn Bhd
- (iii) Suriawati Sdn Bhd.
- (iv) Versalon Sdn Bhd.
- (v) Syarikat Buku Anthonian (Lihat jadual)

⁶⁵ Muniretnam Muniandy, *op.cit.*, hlm. 126.

⁶⁶ Laporan Tahunan MIC, 1986/87, Ibu Pejabat MIC, Kuala Lumpur, hlm. 31.

⁶⁷ Laporan Tahunan MIC, 1985/86, Ibu Pejabat MIC, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 25-26.

JADUAL 5.14

SENARAI SYARIKAT MILIK MHB

Name of Company	Principal Activity	1995 %	Effective Equity Interest	1994 %
Maika Futures Sdn Bhd (formerly known as Maika Commodities (M) Sdn Bhd)	Commodity brokers	100		100
Maika Corporate Services Sdn Bhd	Management services	100		100
Golden Land Properties Sdn Bhd (formerly known Jenya Properties Sdn Bhd)	Property trading, investment holding and property investment	100		100
Maika Underwriting Agency Sdn Bhd	Insurance underwriters	100		100
Suriavathi Sdn Bhd	Investment holding and trading	100		100
Syarikat Pembinaan Maika Sdn Bhd	Construction	100		100
Maika Rubber Products Sdn Bhd	Manufacturing of rubber products	100		100
Maika Trading Corporation Sdn Bhd	General trading	100		100
Advista Sdn Bhd	Dormant	100		100
Sri Utara Sdn Bhd	Property investment	100		100
M & P Overseas Trading Corp Sdn Bhd	Dormant	51		51
Matri Properties Sdn Bhd	Property investment	100		100
Asian Holdings Sdn Bhd	Investment holding & management of Property	100		96.6
Asian Holdings Agencies Sdn Bhd	Dormant	100		96.6
Asian Industrial & Marketing Sdn Bhd	General trading	57		55
Sykt Pembinaan Mars Maju Sdn Bhd	Investment holding	100		100
Anthonian Store Sdn Bhd	Dormant	93.1		93.1
Maika Brickworks Sdn Bhd (formerly known as Anthonian Distributors Sdn Bhd)	Dormant	93.1		93.1
Anthonian Publishing Sdn Bhd	Dormant	81.9		81.9
Anthonian Family Circle Sdn Bhd	Dormant	93.1		93.1
Anthonian Educational Centre Sdn Bhd	Dormant	93.1		93.1
Maika Transport Sdn Bhd (formerly known as Anthonian Management Sdn Bhd)	Dormant	93.1		93.1
Anthonian Paper Products Sdn Bhd	Dormant	93.1		93.1
IT Communication Resources Sdn Bhd (formerly known as Penerbit Tunas (M) Sdn Bhd)	Dormant	93.1		93.1
Pusat Bahan Sumber Sdn Bhd	Dormant	49		49
United Oriental Assurance Sdn Bhd	General Insurance	78.4		71.4
Fooland Development Sdn Bhd	Property investment	100		100
Sidacom Sdn Bhd	Investment holding	100		100
Wood Vision Sdn Bhd	Dormant	-		

Sumber: Annual Report Maika Holdings Berhad, 10 May 1996.

Penglibatan MHB dalam penerbitan buku-buku teks dan ulangkaji di bawah syarikat Anthonian telah membawa kerugian yang besar kerana kelemahan pengurusan dan kelembapan pengedaran buku. MIC hanya memerhatikan sahaja sehingga syarikat Anthonian dijual kepada syarikat luar. Ini menunjukkan pihak pengurusan MHB dan MIC tidak mempunyai pengurus-pengurus yang berkebolehan yang boleh menjalankan perniagaan. Inilah pendapat umum masyarakat India.

Sebenarnya penubuhan MHB adalah untuk meningkatkan keupayaan masyarakat India untuk menguasai ekonomi negara. Ini adalah kerana secara keseluruhan terutamanya masyarakat India massa tidak mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam terhadap kepentingan menguasai ekonomi negara. Jadi, MIC sedar bahawa ekuiti masyarakat India hanya boleh ditingkatkan sekiranya melakukan pelaburan secara besar-besaran. Untuk mencapai matlamat ini, MIC harus mengorak langkah baru. Kemelesetan ekonomi negara pada tahun 1985 telah memberi tamparan hebat kepada MHB. MHB turut mengalami tekanan hebat yang hampir melenyapkan operasi MHB. Pertumbuhan ekonomi negara yang perlahan selepas 1985 telah melemahkan kemajuan MHB. Pelaburan-pelaburan yang dilakukan oleh MHB mengalami kerugian yang besar. MHB tidak dapat mengatasi masalah ini. Mengikut Kumaran,⁶⁸ *Penubuhan dan permulaan operasi MHB tidak kena pada masa yang tepat. Akibatnya*

⁶⁸ Temubual dengan Datuk Kumaran selaku Naib Presiden MIC dan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 3 April, 1997.

masyarakat India tidak dapat melihat kejayaan MHB milik masyarakat India itu sendiri.

MHB hanya membuat untung pada 3 tahun pertama sahaja.⁶⁹

Berdasarkan Jadual 5.15 keuntungan pada tahun 1984, 1985 dan 1986 adalah RM4.2 juta, RM9.2 juta dan RM3.17 juta. MHB merupakan syarikat yang pertama mengagihkan dividen selepas dua tahun ditubuhkan. Selepas kemelesetan ekonomi, MHB telah mengalami kerugian berjuta-juta ringgit. Kerugian ini tidak dapat diatasi oleh mana-mana pihak dalam apa jua cara sekalipun.

Masyarakat India yang melabur dalam MHB telah mengalami kehidupan yang lebih teruk berbanding sebelumnya. Ini adalah kerana banyak pemilik saham telah berhutang dengan United Asian Bank untuk membeli saham dan terpaksa membayar kadar bunga yang berlipat kali lebih tinggi daripada dividen yang diberikan oleh MHB. Nilai saham Maika Holdings hanya bernilai RM1.30 seunit. Oleh itu boleh dikatakan bahawa *pemilikan satu peratus kaum India Malaysia dimiliki oleh kaum India yang sangat kaya. Mereka ini adalah terdiri dari usahawan-usahawan besar, ahli-ahli profesional dalam sektor swasta.*⁷⁰

⁶⁹ Untuk maklumat lanjut rujuk Jadual 5.14.

⁷⁰ Jeyakumar, "The Indian Poor in Malaysia : Problems and Solutions", *In Indian Communities in Southeast Asia*, (Ed.) Sandhu, K.S. dan A. Mani, ISEAS dan Times Academic Press, Singapore, 1993, hlm. 27.

Kelemahan MHB menyebabkan masyarakat India telah hilang kesabaran dan mula mengkritik MIC dan Presidennya Samy Vellu kerana telah melempar janji-janji manis mengenai MHB. Sehingga penghujung tahun 1995, nilai saham MHB adalah RM1.37 sen. Masyarakat India yang menunggu begitu lama untuk memperbaiki keadaan ekonomi mereka, kini lebih tertekan dengan tindakan MHB yang kurang efisien terhadap suasana semasa pelaburan dibuat. Sementara itu, hampir 17,000 pemilik saham Maika Holdings dan Samy Vellu menghadapi tindakan undang-undang. *Oleh kerana Samy Vellu adalah penjamin kepada mereka dalam usaha Bank tersebut mendapatkan semula RM17 juta, maka beliau turut akan dikenakan tindakan undang-undang.*⁷¹

JADUAL 5.15

PRESTASI KUMPULAN MAIKA HOLDINGS SEJAK PENUBUHAN

TAHUN	KEUNTUNGAN/KERUGIAN	DIVIDEN
1984	RM 4.2 juta	-
1985	RM 9.2 juta	RM 0.03 juta
1986	RM 3.51 juta	RM 0.05 juta
1987	RM 535,025	-
1988	RM 521,000	RM 0.03 juta
1989	RM 3.09 juta	-
1990	RM 4.69 juta	-
1991	RM 5.29 juta	RM 2.6 juta**
1992	RM 5.62 juta	-
1994	RM 8.50 juta	RM 4.9 juta
1995	RM 20.5 juta	RM 5.6 juta

** Kerugian sebelum cukai

Sumber: Laporan Tahunan Maika dan The Star pada 10.10.1992.

⁷¹ Philip, Koshy, "Maika Unmakes Itself", *Malaysian Business*, 1-15 Jun, 1992, hlm. 26.

MHB yang melabur dalam Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) TV3, MAS dan UOA telah mendapat keuntungan yang memuaskan kecuali lain-lain pelaburan. Bagi pelaburan TV3, MHB telah mendapat keuntungan sebanyak RM4 juta sebelum cukai.

Masyarakat India yang masih marah dengan MIC dan Maika Holdings telah dikejutkan dengan skandal saham Telekom. Kali ini, MIC sendiri terlibat secara langsung dalam skandal ini. Kerajaan telah menawarkan saham berharga RM10 juta kepada Maika Holdings untuk diagih-agihkan kepada masyarakat India. Kerajaan menawarkan saham ini apabila Telekom Malaysia diswastakan. Selama 2 tahun Maika Holdings merahsiakan hal ini. Ini merupakan satu penipuan besar yang dilakukan oleh MIC dan Maika Holdings terhadap masyarakat India. Sebenarnya saham-saham ini telahpun ditawarkan pada tahun 1990. Masyarakat India hanya mendapat tahu mengenai tawaran ini pada tahun 1992 sahaja.

Lim Kit Siang⁷² dari Parti Demokratik Action Party (DAP) telah membangkitkan hal ini dalam Dewan Parlimen. Akibatnya, Badan Pencegah Rasuah (BPR) diarah membuat pemeriksaan terhadap isu ini. BPR telah mengisyihar bahawa tiada sebarang penyelewangan yang dilakukan oleh Samy Vellu dan Maika Holdings berhubung dengan isu saham Telekom.⁷³

⁷² Lim Kit Siang merupakan seorang ahli politik dari Parti Pembangkang iaitu Democratic Action Party (DAP). Beliau memegang jawatan sebagai setiausaha Parti tersebut selama 32 tahun.

⁷³ Muniretnam, Muniandy, "Senario Politik MIC Dato' Seri S. Samy Vellu", Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95, hlm. 90-91.

Samy Vellu memberitahu bahawa beliau telah menjual saham-saham telekom untuk melabur dalam pendidikan di Kolej TAFE di Seremban. Tetapi, apakah Samy Vellu berhak untuk menyalurkan saham-saham tersebut ke Kolej TAFE? Tidakkah Samy Vellu sedar akan nilai saham Telekom yang boleh memberi keuntungan berlipat kali ganda kepada masyarakat India jika disalurkan kepada mereka. Apa yang menjadi tanda tanya ialah mengapa Samy Vellu begitu tergesa-gesa untuk menjual saham-saham Telekom sebelum harganya melambung tinggi. Walau bagaimanapun, *MHB masih belum mencatat keuntungan selepas isu saham Telekom.*⁷⁴ Berikut adalah laporan Maika Holdings yang ke-12.

JADUAL 5.16

MAIKA HOLDINGS : KEUNTUNGAN

	1993		1994	
	Pusingan RM	Untung/Rugi RM	Pusingan RM	Untung/Rugi RM
Insuran	-	-	35,121,740	4,565,100
Komoditi	1,603,940	408,209	1,942,917	437,935
Pelaburan	100,487,501	9,543,693	50,058,853	632,280
Harta Tanah	300,277	(356,032)	522,892	(412,032)
Pembuatan	237,176	296,858	573,892	(1,727,168)
Perdagangan Am	14,781,413	(3,684,172)	7,466,933	(1,482,412)
Perlادangan	1,575,198	845,050	2,187,454	1,374,314
Lain-lain	32,538	(214,147)	24,722	(37,248)
Jumlah	119,018,043	6,839,459	97,899,180	3,350,769

Sumber: Laporan Tahunan Maika dalam Malaysian Business, 1 Jun 1995, hlm. 24

⁷⁴ Laporan Mesyuarat Agung Tahunan Maika Ke-12 di Hotel Istana, Kuala Lumpur, 19 Mei 1995.

Kejatuhan harga saham-saham dalam BSKL telah mengurangkan keuntungan Maika Holdings sekaligus menunjukkan kelemahan MHB dalam aspek pelaburan. *Syarikat milik MHB di BSKL ialah Suriavathi Sdn Bhd telah mencatat keuntungan yang sedikit.*⁷⁵ MHB juga pernah melabur 10 peratus dalam syarikat Jasmoni Sdn Bhd yang menjadi anak syarikat usahasama Permodalan Bersatu Berhad dan Multi-Purpose Holdings. Syarikat ini memajukan 700 ekar tanah di daerah Kepong untuk menjadikannya sebagai sebuah bandar.

Pelaburan jangka panjang MHB dalam syarikat-syarikat besar tidak banyak membawa keuntungan kepada MHB.⁷⁶ Ini adalah kerana selepas tahun 1986, keuntungan MHB mula berkurangan. Walaupun pada masa sekarang (1996) jumlah keuntungannya besar, namun kegagalan pengurusan telah mengubah segala-galanya.

Kegagalan MHB dalam pelaburan menyebabkan keuntungan MHB adalah di luar jangkaan umum. MHB seharusnya lebih efektif dan arif dengan arena pelaburan agar pemilik-pemilik saham MHB boleh menarik nafas lega. Walau bagaimanapun, selagi MIC melibatkan diri dalam MHB, maka MHB tidak dapat berfungsi dengan efektif kerana ramai tokoh politik bersaing hanya untuk menjadi ahli lembaga pengarah, mencari "kesempatan" dan bukannya memajukan MHB.

⁷⁵ Malaysian Business, 1 Jun 1995, hlm. 21.

⁷⁶ Untuk keterangan lanjut, rujuk Laporan Tahunan MIC, 1986/87, hlm. 31 dan Jadual 5.15.

5.5 Peranan MIC Dalam Mempertahankan Dana Harta Masyarakat India Yang Sedia Ada

5.5.1 South Indian Labour Fund (SILF)

Sebelum membincangkan mengenai SILF, adalah lebih baik sekiranya dapat melihat sejarah dan tujuan SILF ini ditubuhkan. Penghijrahan kaum India ke Malaysia pada awal abad ke-20 ini ditaja oleh orang perseorangan ataupun majikan-majikan ladang getah. Segala perbelanjaan ini ditanggung oleh mereka. Buruh-buruh India ini terpaksa membuat perjanjian dengan majikan-majikan ladang untuk bekerja selama 3 hingga 5 tahun untuk menjelaskan hutang penghijrahan mereka.⁷⁷

Jadi, untuk mengatasi masalah ini Tamil Immigration Fund telah ditubuhkan pada 1hb Mei 1958.⁷⁸ Penubuhan tabung ini dapat mengurangkan masalah pemotongan gaji (untuk bayar balik hutang penghijrahan) dan dapat memperbaiki kehidupan buruh-buruh ladang. Selain itu, penubuhan tabung ini juga dibiayai oleh buruh-buruh India melalui yuran yang ditentukan oleh Jabatan Buruh. Sejak dari itu, tabung ini telah dikawalselia oleh Jawatankuasa Immigration yang ditubuhkan. Jawatankuasa ini termaktub dalam “The Tamil Immigration Fund” Straits Settlement Ordinance.

⁷⁷ Untuk maklumat detail penghijrahan, rujuk Bab 2.

⁷⁸ The Sun, Sunday 25 July 1999, hlm A17.

Penubuhan tabung ini telah dimulakan dengan pemberian pinjaman RM50,000 oleh Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan RM5,000 lagi daripada Kerajaan Johor.⁷⁹ Tujuan asas tabung ini ditubuhkan adalah:

- (i) Bagi membayar tambang keretapi untuk buruh dan keluarga buruh dari kampung ataupun tempat tinggal ke kem penantian di Madras dan Nagapatanam;
- (ii) Bagi menanggung makanan dan perubatan untuk buruh dan keluarganya sementara menunggu pelayaran di kem penantian;
- (iii) Bagi membayar tambang pelayaran dari India ke Malaysia;
- (iv) Bagi bayaran kuarantin di Malaysia;
- (v) Bagi bayaran tambang pengangkutan dari pelabuhan ke tempat bekerja (di Malaysia).
- (vi) Bagi bayaran pelayaran balik ke India.
- (vii) Bagi bayaran untuk makanan dan pengangkutan buruh dan keluarganya sebelum balik ke India.

⁷⁹ *Ibid.*

Pada 1hb Mei 1958, South Indian Labour Fund (SILF) telah menggantikan Indian Immigration Fund.⁸⁰ Tujuan utama SILF⁸¹ ini adalah:

- (i) Bagi membayar tambang percuma pergi balik ke India;
- (ii) Memberi bantuan pinjaman kepada buruh-buruh India Selatan sekiranya memerlukan;
- (iii) Menggunakan yuran tabung ini untuk kegunaan lain yang boleh memberi manfaat kepada buruh-buruh India Selatan.

Tujuan SILF ini berbeza sedikit dengan Indian Immigration Fund. Namun demikian, SILF masih utamakan khidmat terhadap masyarakat India Selatan. Selain itu, jawatankuasa tabung ini juga telah mendapat cadangan agar memberi tumpuan terhadap pendidikan, kesihatan dan penempatan (land settlement).

Setelah melihat penubuhan dan tujuan SILF, maka harus merenung peranan yang dimainkan oleh tabung ini dan faktor-faktor yang membawa kepada pembubarannya. Antara tahun 1962 hingga 1992, seramai 699 orang pelajar telah mendapat biasiswa yang berjumlah RM470,830.⁸² Selepas itu, biasiswa dan pinjaman untuk bidang pendidikan dibekukan tanpa alasan yang munasabah.

⁸⁰ *Ibid.*, Ramasamy, P., *Dissent Over South Indian Fund*”, STAR, Sunday, 25 July, 1999, hlm 21

⁸¹ The Sun, *op.cit.*

⁸² The Sun, Sunday 25 July 1999, hlm A17. Tetapi mengikut kajian yang dilakukan oleh Ramasamy, P., cuma 103 orang pelajar India sahaja yang menerima pinjaman kewangan antara tahun 1982 hingga 1987, *ibid.*

Selain itu, jawatankuasa tabung ini juga menguruskan sebuah rumah kebajikan orang-orang tua di Nibong Tebal, Pulau Pinang. Seramai 65 orang tua India kini berada di situ dan setiap seorang mendapat RM50 sebulan bagi perbelanjaan. Peranan lain SILF tidak diketahui oleh masyarakat India.

Tabung ini mempunyai aset bernilai RM5 juta. Daripada jumlah tersebut RM2 juta berada dalam bentuk aset tunai dan bakinya dalam bentuk aset tetap.⁸³ Melibatkan keadaan ini, MIC telah mencadangkan kepada Kerajaan agar SILF diambilalih oleh Kerajaan.⁸⁴ Ada beberapa sebab mengapa MIC berbuat demikian. Antara sebab yang terpenting ialah:

- (i) MIC berpendapat selepas 16 orang tua yang berada di rumah orang-orang tua dan 43 orang tua yang mendapat bantuan kewangan meninggal dunia, tabung ini akan termasuk dalam kawalan Kewangan Kerajaan. Oleh kerana Samy Vellu tidak mahu kejadian sebegini berlaku, maka beliau mengesyorkan agar SILF dibubarkan.⁸⁵
- (ii) Tiada siapa yang tahu bagaimana tabung ini memberi bantuan kepada masyarakat India terutamanya kepada buruh-buruh ladang

⁸³ Ramasamy, P., *ibid.*

⁸⁴ Malaysian Nanban, 29 July 1999, hlm. 4. MIC telahpun mencadangkan kepada Kerajaan idea untuk membubarkan SILF ini pada tahun 1995.

⁸⁵ Malaysia Nanban, 29 July 1999, hlm. 4.

kecuali jawatankuasa tabung itu.⁸⁶ Selain itu, kedudukan SILF, kedudukan aset dan aktiviti yang dijalankan juga tidak diketahui oleh orang ramai.

Oleh yang demikian, MIC telah mengesyorkan kepada Kerajaan agar SILF ini dibubarkan. Mengikut Dato' Affifudin Omar selaku Timbalan Menteri Sumber Manusia,

*Samy Vellu telah mencadangkan kepada Kerajaan agar South Indian Labour Fund dibubarkan kerana tidak berfungsi mengikut objektif utama tabung tersebut.*⁸⁷

Melihatkan sokongan MIC terhadap hal ini, maka Kerajaan telah membubarkan SILF ini secara rasmi pada 13 Julai 1999. Pembubaran SILF ini mendapat tentangan hebat daripada masyarakat India. Mengikut Ramasamy,

*Kerajaan dan MIC secara khusus telah menghancurkan kepercayaan yang telah diletakkan di bahu mereka.*⁸⁸

Sebenarnya dari perspektif MIC, pembubaran SILF tidaklah merugikan masyarakat India secara keseluruhannya. Tetapi, dari perspektif masyarakat India, ini merupakan satu tindakan salah yang dilakukan oleh MIC. Ini menyebabkan MIC secara keseluruhannya mendapat kritikan hebat daripada masyarakat India. MIC yang mencadangkan pembubaran SILF ini tidak dapat

⁸⁶ Ramasamy, P., *Dissent Over South Indian Fund*, STAR, Sunday 25 July 1999, hlm. 21.

⁸⁷ Malaysia Nanban, 29 July 1999, hlm. 1.

⁸⁸ Ramasamy, P., *Dissent Over South Indian Labour Fund*, op.cit., hlm. 21.

memberi rancangan lain terhadap aset yang dimiliki oleh SILF. Ini mengakibatkan masyarakat India secara keseluruhan berpendapat MIC dan Kerajaan cuba membelot harta masyarakat India. Walaupun tanggapan ini disangkal oleh MIC, tetapi MIC masih gagal mencadangkan jalan alternatif terhadap aset SILF.

Tiada siapa yang tahu mencadangkan pembubaran SILF⁸⁹ kerana MIC tidak mendedahkan pembubaran SILF ini sehinggalah dicadang dan dibentang pada sidang Parlimen baru-baru ini. Secara keseluruhan masyarakat India tersinggung dengan tindakan pihak Kerajaan dan MIC dalam hal ini. Sementara itu, ahli jawatankuasa SILF yang terdiri daripada wakil-wakil MIC, NUPW, Maaysian Agricultural Procedures Association dan wakil daripada Kementerian Sumber Manusia⁹⁰ telahpun diumumkan pembubaran akan SILF ini. Akibatnya sebanyak 30 buah organisasi Bukan Kerajaan (NGO), kelab dan Persatuan Masyarakat India membantah pembubaran tabung ini. Mereka meminta agar Kerajaan memberi penjelasan sebenar dan harus menyediakan rancangan alternatif terlebih dahulu sebelum membubarkan SILF ini. Mereka juga meminta agar Samy Vellu, selaku Presiden MIC dan wakil masyarakat India di kabinet menyuarakan rasa tidak puashati masyarakat India dalam hal ini. Tetapi MIC tetap membisu. Ini adalah kerana MIC sedar bahawa MIC yang mencadangkan pembubaran ini. NUPW telah mencadangkan satu idea kepada MIC dan Kerajaan

⁸⁹ Temubual dengan En. Kesavan selaku Penggerusi Cawangan MIC Kg. Pinang, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. Beliau berpendapat tindakan MIC terhadap pembubaran SILF ini kena pada tempatnya. Ini adalah kerana secara keseluruhan tabung ini tidak berfungsi selepas 1992. Kegagalan tabung ini berfungsi menyebabkan pembubarannya.

⁹⁰ The Sun, *ibid.*

NUPW mencadangkan agar SILF ini ditukar menjadi Trust Fund mengikut Akta 1959. Namun demikian, cadangan itu telah diketepikan.⁹¹

Oleh kerana Kerajaan dan MIC dikritik hebat oleh masyarakat India, akhirnya Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan membina Kolej Teknologi Maklumat untuk melahirkan lebih ramai belia India yang berkualiti. Pengumuman ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan ketegangan yang wujud di kalangan masyarakat India. Selepas itulah Samy Vellu bercadang mengumumkan detail pembubaran SILF ini dalam Mesyuarat Agung MIC Kali Ke-53.

Samy Vellu is expected to explain to the 1,300 delegates about recent developments involving the community, including the dissolution of the South Indian Labour Fund.⁹²

Walaupun MIC kini sanggup memberi penjelasan yang secukupnya, namun begitu masyarakat India terutamanya masyarakat India massa dan golongan profesional (NGO) yang prihatin terhadap masyarakat India tidak mahu mengharapkan MIC dalam usaha menyelesaikan isu SILF ini. Mereka sedar bahawa MIC tidak dapat melakukan apa-apa. Oleh yang demikian, masyarakat India ingin mendapatkan penjelasan terperinci mengenai tujuan pembubaran dan rancangan alternatif yang disediakan daripada Kerajaan.

⁹¹ Temubual oleh Cindy Tham dengan Setiausaha Agung NUPW dalam The Sun, Sunday 25 July 1999, hlm A17.

⁹² The Sun, Friday 30 July 1999, hlm. A12.

Sehingga kini, rancangan alternatif Kerajaan ini masih belum dapat mengubati hati masyarakat India yang telah luka. Penjelasan-penjelasan terperinci daripada pihak Kerajaan dijangka sedikit sebanyak dapat melegakan hati masyarakat India secara keseluruhannya.

5.6 Kesimpulan

Masyarakat India yang tinggal di Malaysia sebelum kemerdekaan berada dalam kekurangan dan kemiskinan. Selepas negara mencapai kemerdekaan, masyarakat India masih berada di belakang masyarakat Cina dan Melayu dalam penguasaan ekonomi negara. Walaupun berlaku sedikit peningkatan dalam taraf hidup masyarakat India, namun mereka masih gagal menguasai bidang ekonomi. Pendapatan yang rendah, kadar kemiskinan yang tinggi serta kemahiran dan pencapaian yang rendah di kalangan orang-orang India menyebabkan ekonomi orang-orang India sebelum kemerdekaan tidak berkembang luas.

Sementara itu, peranan MIC sejak penubuhannya 1946 sehingga 1957 tidak menunjukkan sebarang tanda kemajuan. Lagipun, tiada data spesifik mengenai peranan yang dimainkan oleh MIC dalam bidang ekonomi sebelum tahun 1957. Maka, boleh dikatakan bahawa sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, MIC hanya cuba menguatkan kedudukan politiknya demi menjamin masa depan masyarakat India.⁹³ Kedudukan MIC dalam bidang politik yang

⁹³ Untuk maklumat lanjut mengenai peranan MIC sebelum kemerdekaan, rujuk Bab 3.

lemah telah menyebabkan MIC tidak dapat menyumbang sebarang rancangan ekonomi yang boleh membangunkan masyarakat India.

Jadi, selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, MIC telah memulakan langkah menguasai ekonomi negara. Permulaan ini dimulakan dengan “Blue Print” tajaan MIC awal tahun 1970an. Selepas itulah beberapa rancangan diatur dan dijalankan untuk menyedarkan masyarakat India. Namun begitu, rancangan-rancangan yang dimulakan oleh MIC seperti NESA, KPJ dan MAIKA Holdings nampaknya gagal memenuhi aspirasi masyarakat India. Kegagalan ini bukanlah berpunca daripada MIC itu sendiri tetapi daripada faktor-faktor lain juga. Contohnya kelemahan pengurusan, kegagalan menambah modal dan sebagainya.

Walaupun MIC sedar akan masalah ini, tetapi MIC masih tidak berupaya menyaingi kaum lain dalam usaha menambah penguasaan ekuiti negara. Penambahan modal oleh masyarakat India masih tidak berupaya melepassi 2 peratus penguasaan ekuiti negara.⁹⁴ MIC dan masyarakat India secara keseluruhan harus mengubah corak pemikiran untuk meningkatkan penguasaan ekonomi negara. Ini sekaligus akan meningkatkan penguasaan ekuiti negara oleh masyarakat India pada masa akan datang.

⁹⁴ Untuk maklumat lanjut rujuk Rancangan Malaysia 3, 4, 5, 6 dan 7.